



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I **Bil. 5** **Hari Jumaat** **5hb Disember, 1986**

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 1)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan 2)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987 (Ruangan 33)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 5hb Disember, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Mesyuarat]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut. Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"PARLIMEN MALAYSIA,

KUALA LUMPUR

4hb Disember, 1986.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1987;
2. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan); dan
3. Rang Undang-undang Kewangan.

Yang ikhlas,

t. t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1987;
2. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan); dan
3. Rang Undang-undang Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R. M. Jasni.

Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan Nombor 1.

FERI MALAYSIA - TAMBANG PERCUMA

1. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah S.O. 23 (2)]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk memberikan keistimewaan kepada Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak untuk memberikan tambang percuma Feri Malaysia, sebagaimana tambang percuma menaiki keretapi bagi Ahli-ahli Parlimen di Semenanjung.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:] Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk memberi tambang percuma Feri Malaysia kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen sama ada mereka dari Sabah dan Sarawak ataupun dari Semenanjung Malaysia.

IMPORT DAGING LEMBU/KAMBING

2. **Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Pertanian menyatakan:
- (a) dari awal tahun 1986, sehingga bulan September ini berapa-kah belanja ke atas import daging lembu dan kambing dari negara-negara luar negeri;
 - (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan industri daging lembu, kambing dan kambing biri-biri di Malaysia; dan
 - (c) apakah bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada petani-petani yang melibatkan diri dalam penternakan lembu, kambing dan kambing biri-biri di Malaysia.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Luhah Wan]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) tiada apa-apa perbelanjaan ditanggung oleh Kerajaan terhadap pengimportan daging dari luar negeri. Pengimportan adalah dibiayai oleh pihak pengimport, syarikat swasta dan orang perseorangan. Nilai pengimportan daging lembu/kerbau dari bulan Januari hingga September, 1986 adalah dianggarkan sebanyak \$70.4 juta dan daging kambing dan biri-biri adalah sebanyak \$12.7 juta.
- (b) langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:
 - (i) menubuhkan beberapa buah bidang khusus untuk menghasilkan baka-baka ternakan yang bermutu dan sesuai untuk dipelihara oleh penternak-penternak tempatan;
 - (ii) melaksanakan pelbagai projek dan program pengembangan penternakan, khusus untuk memperluaskan pemeliharaan ternakan-ternakan jenis ini, seperti program pembiakan bibit dan pawah, penggemukan lembu daging, program penternakan lembu susu, pengagihan baka penjantan dan beberapa langkah untuk mengintegrasikan penternakan dengan tanaman kekal;

- (iii) mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan pengembangan khas untuk menambahkan kesuburan membiak, mengurangkan kematian dan meningkatkan daya penghasilan ternakan tempatan;
- (iv) meneruskan kerja-kerja penyelidikan di bidang pembiakan, pemakanan, pengurusan dan kesihatan ternakan serta pemprosesan bahan-bahan ternakan supaya industri ternakan tempatan dapat dimajukan lagi;
- (v) menubuhkan institusi penternak, pemindahan teknologi, terutamanya di bidang pembiakan dan latihan bercorak komersial yang sedang dipergiatkan; dan
- (vi) sekiranya didapati sesuai, kawalan import ternakan dan bahan-bahan ternakan dari luar negeri diberi perhatian dan kawalan tertentu untuk menjaga kepentingan para penternak tempatan dan pelbagai insentif serta galakan dianjurkan untuk menambahkan eksport.

- (c) hingga kini pelbagai jenis dan bentuk bantuan telah dipersampaikan kepada para penternak/petani yang melibatkan diri dalam penternakan lembu, kambing dan biri-biri, Ada di antara bantuan ini yang masih wujud, dan ada yang telah diberhentikan, bergantung kepada kedudukan ketangan Kerajaan, tahap dan prestasi pembangunan sesuatu spesis ternakan itu, dan seterusnya kepada arahan-arahan dasar Kerajaan. Bagi ternakan ruminan, iaitu lembu, kerbau, kambing dan biri-biri, bantuan yang masih wujud adalah seperti berikut:-
- (i) penjualan lembu tenusu yang bermutu dengan harga yang paling minimum;
 - (ii) pengagihan lembu bibit secara pawah, yang mana bolehlah dianggap sebagai satu skim "extended credit", dengan izin;
 - (iii) menguruskan pembelian dan pembekalan lembu "feeder", dengan izin, berperingkat ladang para penternak, dan ini dianggap sebagai satu bantuan perkhidmatan dalam mengurangkan kos kepada mereka;
 - (iv) bantuan material dan kerja dalam usaha untuk menambahkan kawasan-kawasan pastura dan foder bagi mereka yang melibatkan diri dalam penternakan lembu serta kambing atau biri-biri;
 - (v) membekalkan baka-baka pejantan kepada penternak di mana mereka tidak diperlukan mengadakan kos kapital. Skim ini adalah terhad;
 - (vi) perkhidmatan kesihatan (rawatan/ubatan) dan pembiakan (permanian beradas) adalah diberi dengan bayaran

yang paling minima bagi mereka yang benar-benar tidak sebegitu bekemampuan; dan

- (vii) Kemudahan untuk membantu pemasaran, umpamanya susu, juga disediakan oleh Kerajaan bagi mereka yang menyertai projek yang berkenaan.

DISIPLIN PELAJAR DI PUSAT PENGAJIAN TINGGI

3. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian mengakui kemerosotan disiplin di kalangan para pelajar di Pusat-pusat Pengajian Tinggi telah sampai ke tahap yang membimbangkan dan menyedihkan sehingga ada di antara mereka itu telah menjadi pengedar dan penagih dadah dan sekiranya Kementerian Pelajaran mengakui adanya keadaan yang sedemikian itu apakah tindakan dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis]:

Tuan Yang di-Pertua, keadaan disiplin di kalangan para pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan adalah terkawal. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini terdapat sebilangan kecil kes penyalahgunaan dadah di kalangan para pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi. Kementerian Pelajaran dengan kerjasama semua institusi pengajian tinggi tempatan telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi memesatkan lagi kawasan disiplin terutamanya mengenai penyalahgunaan dadah dengan pengambilan tindakan-tindakan tegas terhadap pelajar-pelajar yang terlibat.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan akan mengkaji kemungkinan menjalankan, dengan izin, blood test atau urine test bagi bakal-bakal pelajar yang ingin masuk ke institusi-institusi pengajian tinggi?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, boleh kita ambil kira ini.

Tuan Mohd. Yusoff Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri yang berkenaan menyatakan apakah tindakan-tindakan tegas yang telah diambil oleh pihak yang berkuasa ke atas murid-murid yang didapati bersalah dalam dadah ini?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, kita mengambil beberapa tindakan. Sebagai tindakan yang kita katakan "last resort", kalau dipandang serius, sebenarnya kita sudah menyuruh mereka keluar daripada institusi-institusi pengajian tinggi. Kita fikir ini adalah tindakan yang tegas yang kita ambil dan sekiranya mereka benar-benar berminat atau yang belum terlibat itu benar-benar berminat, janganlah melakukan sesuatu hinggan mereka itu terpaksa kita pecat daripada pusat pengajian tinggi.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu adakah pihak Kementerian dapat menambahkan lagi kaunselar-kaunselar untuk tujuan kaunseling kerana ini sangat penting bagi pelajar-pelajar berkenaan dan bagaimanakah peranan guru-guru panduan atau guru-guru kerjaya di sekolah-sekolah? Adakah ini meninggalkan keberkesanan yang baik dari segi mencegah penagihan dadah di sekolah-sekolah?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memang itulah rancangan kita selama ini dan akan kita teruskan kerana kita fikir kaunselar ataupun 'guidance teacher', dengan izin, adalah penting di sekolah-sekolah. Walaupun soalan Yang Berhormat itu keluar daripada soalan asal ini yang berkaitan dengan pusat pengajian tinggi, iaitu sekolah, namun demikian kita memang teruskan usaha kita ini dan peranan-peranan mereka ini ialah untuk mengambil kira akan pelajar-pelajar yang terlibat secara tidak serius supaya dapat diberi panduan dan bagi yang belum terlibat pun kita

sentiasa memberi amaran kepada mereka melalui guru-guru ini. Di samping itu juga kita menghantar guru-guru yang telah sedia mengajar di sekolah-sekolah ke pusat-pusat pengajian yang melatih guru-guru ini untuk menjalani latihan yang tertentu supaya mereka ini lebih bersedia untuk menjadi guru-guru kaunseling dan guidance, dengan izin.

PENUTUPAN PERNIAGAAN AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI

4. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan gedung-gedung perniagaan, firma, syarikat dan kilang-kilang perindustrian yang ditutup akibat dari kemelesetan ekonomi negara kita hingga 31hb Oktober, 1986.

10.12.86

12. **Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah bilangan gedung-gedung perniagaan, firma, syarikat dan kilang-kilang yang telah ditutup akibat kemelesetan ekonomi negara kita setakat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Tuan M.G. Pandithan]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah sama dengan soalan yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Haji Shuaib bin Lazim pada 10hb Disember, 1986. Oleh itu saya mohon izin untuk menjawab kedua-dua soalan tersebut serentak pada hari ini.

Mengikut rekod yang ada, jumlah perniagaan yang ditutup dalam tempoh 1hb Januari, 1982 hingga 31hb Oktober, 1986, ialah sebanyak 112,631. Angka ini termasuk gerai-gerai di dalam pasar yang tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan, 1956. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sesebuah syarikat hanya boleh dibubarkan ataupun ditutup melalui proses-proses yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1985 seperti berikut:

- (i) penggulungan secara sukarela oleh ahli-ahli syarikat ataupun para pemiutang syarikat; dan
- (ii) penggulungan secara perintah Mahkamah.

Mengikut rekod yang ada, jumlah syarikat yang telah dibubarkan atau ditutup dalam tempoh 1981 hingga Oktober, 1986 ialah sebanyak 465, iaitu 321 secara sukarela dan 84 secara perintah Mahkamah. Mengenai bilangan kilang-kilang yang ditutup, Kementerian tidak mempunyai angka-angka tentang perkara ini. Ini ialah kerana di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 mereka tidak memberitahu Kementerian terlebih dahulu sebelum berbuat demikian.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, nyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menempatkan mereka yang hilang pekerjaan akibat kemelesetan ekonomi negara.

Tuan M.G. Pandithan: Bolehkah ulang soalan itu?

Tuan G. Rajoo: Nyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menempatkan mereka yang hilang pekerjaan akibat kemelesetan ekonomi negara.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini luar daripada soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, betul, tidak payah dijawab.

PASARAN BERSAMA ASEAN

5. Puan Mazidah binti Zakaria minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai bagi memupuk hubungan kerjasama ekonomi yang lebih erat di kalangan anggota-anggota ASEAN, terutamanya mengenai cadangan mewujudkan Pasaran Bersama ASEAN (ASEAN Common Market).

Menteri Luar Negeri [Dato' Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka kerjasama ASEAN langkah-langkah yang dilaksanakan sekarang ini adalah merupakan kerjasama yang mengambil kira kepentingan asas tiap-tiap negara anggota dengan tumpuan khusus diberi untuk mewujudkan ketahanan nasional tiap-tiap negara anggota ASEAN.

Ketahanan nasional ini digembelingkan bersama untuk mewujudkan ketahanan serantau. Langkah memupuk hubungan kerjasama ini sentiasa dikaji oleh Kerajaan-kerajaan ASEAN melalui perundingan-perundingan di peringkat pegawai dan juga Menteri.

Langkah dan strategi yang diambil oleh ASEAN diatur sedemikian rupa untuk mencapai matlamat ketahanan yang dimaksudkan dan dalam konteks ini ASEAN sangat berhati-hati dalam menggubal dasar jangka panjang supaya keseimbangan pertumbuhan dan perkembangan di bidang ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik negara-negara anggota sebaik-baiknya tidak bercanggah antara satu dengan lain.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran usahasama ASEAN atau "ASEAN Common Market" adalah menjadi salah satu matlamat jangka panjang ASEAN. Cara untuk mencapainya adalah melalui garis panduan seperti yang telah saya sebutkan

ASEAN sejak akhir-akhir ini memang sudah membincangkan secara mendalam dan terbuka diberbagai-bagai forum tentang mengujudkan pasaran usahasama ini. Tajuk yang serupa juga telah dibincangkan oleh pihak-pihak swasta di negara-negara anggota ASEAN.

Malaysia pada dasarnya menganggap pengujudan pasaran usahasama ASEAN sebagai satu matlamat kerjasama ekonomi serantau jangka panjang yang harus diusahakan oleh negara-negara ASEAN. Tetapi usaha ini hendaklah dibuat dengan cara berperingkat-peringkat sesuai dengan keadaan, kemampuan dan pertumbuhan ekonomi negara-negara anggota ASEAN sendiri. Kerajaan sudahpun memulakan kajian menyeluruh dan secara terperinci tentang strategi-strategi yang perlu diambil. Juga meneliti kemungkinan-kemungkinan yang akan timbul dalam usaha untuk menubuhkan pasaran usahasama ASEAN atau bentuk kerjasama ekonomi yang lain. Insya Allah, apabila sampai masanya, Kerajaan akan memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini akan rumusan-rumusan kajian yang dijalankan itu.

KEMALANGAN PENGANGKUTAN AIR

6. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil atau akan diambil bagi mengatasi masalah kemalangan pengangkutan air yang kian meningkat terjadinya di persekitaran laut dan sungai di negara ini.

Menteri Pengangkutan [Dato Dr. Ling Liong Sik]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai keselamatan semua corak pengangkutan, termasuklah pengangkutan air. Keselamatan pengangkutan air boleh dibahagikan kepada keselamatan di perairan pedalaman dan keselamatan di laut.

Berikutan dengan beberapa tragedi berkaitan dengan pengangkutan di perairan pendalaman, pihak Kementerian Pengangkutan telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa Petugas bagi mengkaji secara menyeluruh segala aspek keselamatan pengangkutan bot-bot di perairan pendalaman. Hasil daripada kajian tersebut Kerajaan telahpun bersetuju mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan keselamatan di perairan pendalaman. Antara lain langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah meningkatkan penguatkuasaan undang-undang, mengadakan latihan bagi pembawa-pembawa bot dan mengadakan kempen kesedaran keselamatan. Dalam hal ini, adalah didapati bahawa corak pengangkutan air melibatkan cara penghidupan orang-orang luar bandar dan oleh itu usaha untuk Kementerian meningkatkan taraf keselamatan di perairan pendalaman hanya akan dapat dilaksanakan secara berperingkat. Kerjasama orang ramai adalah diperlukan bagi menjayakan usaha Kementerian ini dengan hanya menggunakan bot-bot yang berlesen serta mematuhi peraturan-peraturan keselamatan.

Keselamatan di laut pula adalah berasas kepada undang-undang negara kita serta undang-undang antarabangsa, khasnya konvensyen-konvensyen yang dikeluarkan oleh Organisasi Maritime Antarabangsa (International Maritime Organisation). Kapal-kapal di laut perlu mematuhi undang-undang negara benderanya serta juga undang-undang antarabangsa, Semasa kapal berada di pelabuhan sesuatu negara, kapal tersebut juga perlu mematuhi undang-undang negara tersebut.

PEKERJA ASING DI LADANG KELAPA SAWIT/GETAH

7. Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah pekerja-pekerja asing yang bekerja di ladang-ladang kelapa sawit, getah dan lain-lain di ketiga-tiga negeri iaitu di KETENGAH (Terengganu), di Pulau Tenggara (Pahang) dan KESEDAR (Kelantan).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pekerja asing yang telah diluluskan pas lawatan, iaitu kerja sementara untuk bekerja di ladang-ladang kelapa sawit, getah dan lain-lain di negeri Pahang adalah berjumlah seramai 232 orang, manakala di negeri-negeri Kelantan dan Terengganu tidak ada pekerja asing yang bekerja di ladang-ladang.

MAKTAB PERGURUAN DI SIBU

8. Tuan Tiong Hiew King minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah rancangan Kerajaan dalam RML untuk mendirikan sebuah Maktab Perguruan di Sibu khususnya untuk melatih guru-guru yang akan mengajar bahasa Mandarin di sekolah-sekolah rendah bantuan kerana guru-guru jenis ini sangat dan semakin berkurangan; dan
- (b) adakah rancangan Kerajaan untuk memperluas dan mengembangkan pusat pengajian tinggi tempatan yang sedia ada di Sarawak supaya menjadi sebuah universiti penuh dalam Rancangan Malaysia Kelima ini.

Jika tiada, adakah Kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak tempat bagi penuntut-penuntut dari Sarawak dan Sabah untuk melanjutkan pelajaran tinggi di universiti-universiti tempatan dalam Rancangan Malaysia Kelima ini.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Woon See Chin]:

- (a) Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak ada rancangan untuk mendirikan sebuah maktab perguruan yang khusus untuk melatih guru-guru yang mengajar bahasa Mandarin di Sibu dalam Rancangan Malaysia Kelima.
- (b) Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan universiti di Sarawak. Pada masa ini sudah ada kampus Universiti Pertanian Malaysia cawangan Sarawak di Bintulu dan juga kampus Institut Teknologi MARA cawangan Sarawak di Semariang untuk menampung keperluan pengajian tinggi di Sarawak.

PENYELUDUPAN - MEMBENTERAS

9. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana boleh berlakunya beberapa penyeludupan terus masuk ke negara ini seperti beras, pakaian, senjatapi dan lain-lain keperluan, sedangkan kesemua pintu masuk ke negara ini melalui laut, darat dan udara terkawal dan pegawai-pegawai berkenaan mencukupi.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, penyeludupan adalah satu aktiviti yang tidak dapat dihapuskan sama sekali walaupun usaha-usaha sentiasa diambil oleh Jabatan Kastam untuk membenteraskannya. Sungguhpun semua pintu masuk ke negara ini melalui laut, darat dan udara terkawal, penyeludupan tetap berlaku oleh sebab Malaysia mempunyai perairan yang panjang dan tidak begitu mudah dikawal. Di samping itu, Malaysia juga mempunyai sempadan yang panjang dengan negara Thailand, Brunei dan Indonesia.

KEMALANGAN KERETAPI

10. Tuan Tay Chee King minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan kemalangan yang terlibat keretapi pada Januari, 1986 hingga sekarang;
- (b) bilangan kematian diakibatkan oleh kemalangan yang terlibat keretapi dalam tempoh masa tersebut; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kemalangan terlibat dengan keretapi.

Dato Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan kemalangan yang melibatkan keretapi pada Januari 1986 hingga sekarang ialah sebanyak 129.
- (b) Bilangan kematian diakibatkan oleh kemalangan yang melibatkan keretapi dalam tempoh masa tersebut ialah sebanyak 55 orang.
- (c) Langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan kemalangan melibatkan dengan keretapi adalah seperti berikut:
 - (i) KTM seringkali memperingatkan orang awam melalui media sebaran awam seperti akhbar-akhbar, radio atau televisyen supaya jangan melintasi landasan atau berada terlalu dekat dengan landasan keretapi kerana ini adalah merbahaya dan menjadi satu kesalahan di bawah Ordinan Keretapi 1948. Selain dari itu, poster-poster menggambarkan larangan melintasi landasan keretapi dipamerkan di semua stesen di samping menasihatkan mereka supaya menggunakan jalan bawah (subway) atau jejantas. Langkah-

langkah mencegah serta melarang orang awam dan lain-lain melintasi landasan di dalam kawasan KTM dilaksanakan dengan membuat pengumuman melalui alat-alat pembesar suara dan dengan mengeluarkan surat amaran kepada mereka yang didapati berbuat demikian.

- (ii) KTM juga telah dari semasa ke semasa melancarkan beberapa perjumpaan serta ceramah dengan penduduk-penduduk di perkampungan sekitar landasan keretapi di mana Ketua-ketua Kampung, Penghulu, Guru-guru Besar, Imam-imam diminta supaya memberi kerjasama menasihati penduduk-penduduk kampung berkenaan khususnya kanak-kanak serta budak-budak yang masih belum sempurna akal fikiran supaya tidak melintasi landasan atau berada terlalu dekat dengan landasan keretapi dan juga jangan melontar batu pada tren-tren.

- (iii) Selain dari apa yang dinyatakan di atas, KTM tidak berupaya untuk mengadakan kawalan yang rapi di seluruh rangkaian dan terpaksa bergantung kepada pihak polis untuk mengambil tindakan seterusnya kerana melintasi landasan keretapi adalah menjadi kesalahan di bawah Ordinan Keretapi.
- (iv) Walaupun kemalangan ini tidak dapat dihapuskan sama sekali, ianya boleh dikurangkan sekiranya orang rantai mempunyai kesedaran sendiri bahawa perbuatan-perbuatan melintasi landasan keretapi dan lain-lain bukan sahaja menyalahi undang-undang tetapi adalah merbahaya kepada diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-pertua, dengan izin, soalan No. 11.

PEMBINAAN JALANRAYA - PENGGUNAAN SIMEN

11. Tuan Haji Hussein bin Ahmad [di bawah S.0.23(2)] minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada kajian yang terperinci telah dibuat sebelum menetapkan polisi penggunaan simen untuk membuat bahagian-bahagian jalan yang tertentu. Jika sudah, apakah kebaikan-kebaikan jalan yang dibuat dripada simen berbanding dengan jalan-jalan tar, terutama dari segi keselesaan pengguna, kos dan masa pembinaan serta kos penjagaan.

Menteri Kerjaraya [Dato' S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya membuat kajian terlebih dahulu sebelum keputusan melaksanakan jalan simen. Perkara ini diberi perhatian oleh Kerajaan selaras dengan dasar Kerajaan untuk meningkatkan lagi penggunaan bahan-bahan tempatan. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang

Kerajaan hanya melaksanakan jalan-jalan simen di beberapa bahagian tertentu sahaja sebagai percubaan seperti di Lebuhraya Alor Setar/ Gurun dan di bahagian Lebuhraya Air Keruh/Pagoh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penswastaan Lebuhraya Utara/ Selatan yang sedang dalam pertimbangan akan dikenakan syarat supaya 30% daripada lebuhraya itu dibina dengan simen. Daripada kajian yang telah dibuat juga jalan simen sememangnya mempunyai beberapa ciri kebaikan dibanding dengan jalan bitumen, di antaranya ialah:

- (1) Usia jalanraya adalah lebih panjang, iaitu lebih kurang 40 tahun, dengan izin, life span.
- (2) Daya tahan gelinciran iaitu, dengan izin, skid resistance adalah sepanjang hayat tanpa memerlukan turapan semula.
- (3) Dapat memberi penglihatan yang lebih jelas kepada pemandu terutama pada waktu malam atau waktu hujan.

Dari segi kosnya, pembinaan jalanraya yang menggunakan simen adalah lebih kurang 40% lebih mahal daripada jalan yang menggunakan bitumen, Walau bagaimanapun, dari segi kos penyelenggaraannya pula ianya adalah lebihkurang 30% lebih murah. Oleh itu, jalan yang menggunakan simen dari segi jangka panjang adalah lebih menguntungkan.

Sungguhpun ciri-ciri penggunaan simen adalah menarik, tetapi penggunaannya tidak boleh dilaksanakan dalam keadaan tanah yang lembut, berpaya dan yang seumpamanya.

Dalam keadaan kemelesetan ekonomi negara kita yang dialami sekarang, beberapa buah kilang simen telah mengalami beberapa kesukaran untuk menjual pengeluarannya. Oleh itu, untuk mengelakkan

dari berlakunya pembuangan kerja dan masalah pengangguran di negara ini, Kerajaan telah mengambil langkah dengan menggalakkan lagi penggunaan simen.

Penggunaan simen lebih menarik dan viable lagi kerana Kerajaan telah membuat keputusan supaya menurunkan harga simen, khususnya dalam pembinaan rumah kos rendah dan pembinaan jalanraya dan lebuh-rayanya di tanahair kita.

SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA - PILIHAN BERKHIDMAT

12. Tuan G. Rajoo minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) jumlah pekerja Telekom yang belum lagi membuat pilihan berkhidmat dengan Syarikat Telekom Malaysia dan jumlah yang membuat pilihan memasuki Syarikat Telekom Malaysia;
- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap pekerja-pekerja Telekom yang tidak ingin menyertai Syarikat Telekom Malaysia; dan
- (c) sebab-sebab utama pekerja-pekerja Telekom tidak ingin menyertai Syarikat Telekom Malaysia ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah 28,604 kakitangan Jabatan Telekom Malaysia, seramai 28,213 telahpun membuat pilihan untuk berkhidmat dengan Syarikat Telekom Malaysia Berhad. Hanya seramai 391 yang telah membuat pilihan untuk bersara di bawah Seksyen 10(5)(b) Akta Pencen 1980.

KAD PENGENALAN MERAH

13. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sehingga Disember, 1985 berapa jumlah sebenar kad pengenalan warna merah yang telah dikeluarkan kepada pemohonnya;
- (b) adakah Kerajaan bercadang memperketatkan lagi syarat-syarat untuk mendapatkan kad merah itu;
- (c) adakah Kerajaan sedar adanya sindiket yang menjalankan kegiatan, menjual/mendapatkan dan membuat borang palsu kepada pendatang sehingga membolehkan mereka dapat kad merah; dan
- (d) jika Kerajaan sedar, apakah tindakan yang telah diambil.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kad pengenalan merah yang telah diluluskan dan dikeluarkan sehingga Disember, 1985 ialah 994,619. Pada masa ini Kerajaan sedang mengenakan syarat-syarat yang ketat ke atas permohonan bagi mendapatkan permit masuk oleh rakyat asing yang berhasrat untuk menjadi penduduk tetap negara ini. Syarat-syarat ini adalah mencukupi dan Kerajaan berpuas hati dengan keadaan sekarang dan Kerajaan tidak bercadang untuk meminda syarat-syarat yang ada sekarang.

Kerajaan sedang menyiasat dakwaan bahawa ada orang-orang yang tidak, bertanggungjawab di negara ini yang menjual borang-borang palsu untuk membantu warganegara asing mendapatkan permit masuk atau kad pengenalan merah.

BUKU BIBLE DI BILIK HOTEL

14. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di setengah-setengah hotel di negara kita, pihak hotel telah meletakkan buku "Bible" di laci-laci hotel, ini adalah satu cara untuk mengembang agama Kristian; jika sedar, apakah usaha yang telah dan akan diambil.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, Kerjasama memang sedar bahawa pada masa yang lalu memang ada terdapat Bible diedarkan di bilik-bilik hotel tertentu. Menyedari hakikat itu maka Kerajaan telah berusaha supaya tidak berlaku lagi. Pihak hotel telahpun sedar bahawa amalan meletakkan Bible di kamar-kamar hotel adalah satu cara yang boleh ditafsirkan sebagai usaha mendakychakan agama Kristian kepada orang Islam. Pihak pengurusan hotel dinasihatkan supaya memberi Bible berkenaan hanya di atas permintaan pelanggan sahaja.

HARGA BARANG-BARANG PERLU

15. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan harga barang-barang perlu serta kadar inflasi, akibat kemelesetan ekonomi di negara ini yang menjejaskan khasnya pekerja-pekerja berpendapatan rendah.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, cara utama untuk mengurangkan harga barang-barang ialah dengan mengurangkan kos pengeluarannya. Ini memerlukan tindakan bukan sahaja dari pihak Kerajaan, tetapi juga swasta dan pihak pengguna.

Pihak Kerajaan, umpamanya, boleh mengambil tindakan untuk mengawal harga dan bekalan beberapa jenis barangan, khasnya barang-barang keperluan utama seperti gula, tepung gandum, susu dan bahan-bahan petroleum supaya harganya munasabah dan stabil dan bekalannya pula mencukupi.

Kerajaan boleh juga mengurangkan kadar bayaran input-input pengeluaran penting seperti elektrik, air, telefon dan bahan-bahan api dan mengambil beberapa tindakan lain lagi. Pihak swasta boleh mengurangkan kos pengeluaran dengan membuat pembelian bahan-bahan pengeluarannya daripada sumber-sumber termurah, menggunakan teknologi yang sesuai dan serba moden, menggunakan faktor-faktor pengeluarannya dengan lebih efisien dan lain-lain lagi. Dengan cara itu, daya pengeluaran dapatlah dipertingkatkan dan kos pengeluaran dikurangkan. Pengilang-pengilang juga patut sanggup mengurangkan keuntungan yang berlebihan supaya harga barang-barang jualan berada di paras yang minima. Pengguna-pengguna juga boleh memainkan peranan memberhentikan tabiat suka membeli barang-barang yang mahal dan mewah, khususnya yang diimport dari luar negeri. Pengguna-pengguna haruslah mengikis sikap atau tabiat mengagung-agungkan barangan import dan sebaliknya menyokong dan melanggan barangan dan perkhidmatan tempatan. Mereka juga patut mengamalkan tabiat jimat-cermat dan cuba menghadkan perbelanjaan kepada barang-barang yang perlu sahaja.

Tentang tindakan Kerajaan, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah berikut untuk mengurangkan harga barang-barang dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang:

- (1) Kerajaan telah mengurangkan kadar utility, seperti elektrik dan juga kos tanah di beberapa tapak perindustrian.

- (2) Kerajaan telah mengambil tindakan untuk mengubahsuai dan memudahkan aturcara-aturcara eksport dan dasar-dasar Kerajaan untuk menggalakkan kegiatan-kegiatan perniagaan;
- (3) Kerajaan telah memberi pengecualian cukai import bagi beberapa bahan mentah yang tidak diperolehi di pasaran tempatan, agar dengan demikian kos pengeluaran barang-barang dapat dikurangkan;
- (4) Kerajaan sentiasa mengawasi harga dan bekalan barang-barang perlu seperti gula, tepung gandum, susu pekat manis, bahan petroleum, simen, besi keluli dan lain-lain.

Misalnya, pada 1hb Mac, 1986, Kerajaan telah menurunkan harga runcit beberapa barangan perlu seperti gula bertapis, tepung gandum, susu pekat manis dan bahan-bahan petroleum.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Mohd. Nor: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Kerajaan telah mengawasi akan harga barang-barang sekarang ini. Adakah Kerajaan telah mengkaji sama ada harga barang-barang ini telah turun pada masa kemelesetan ini dan berapa peratus turun harga barang-barang dalam masa kemelesetan ini?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya ingat tidak ada bersangkutan dengan soal asal. Bagaimanapun, pada masa sekarang Kerajaan kita tidak ada mengkaji penurunan harga barang-barang.

TELEFON DI ALOR SETAR - PERMOHONAN

16. Tuan Bee Yang Sek minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah sebab dibandar Alor Setar tatkala permohonan-permohonan dikemukakan untuk memindahkan telefon ke alamat baru sentiasanya ditolak oleh Jabatan Telekom dengan diberi sebab tiada kabel;
- (b) berapa bilangan kabel telefon yang ada di bandar Alor Setar;
- (c) berapa pertambahan bilangan kabel telefon di bandar Alor Setar dalam tahun 1983; dan
- (d) bilakah bilangan kabel telefon dijangka akan mencukupi untuk memenuhi permintaan perkhidmatan telefon dari perseorangan dan peniaga.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya suka mengatakan bahawa memang terdapat sebahagian daripada permohonan-permohonan untuk memindah telefon ke alamat baru yang berlaku di bandar Alor Setar tidak ditunaikan oleh kerana permohonan-permohonan berkenaan melibatkan perpindahan ke kawasan-kawasan perumahan baru dan juga bangunan-bangunan bertingkat yang baru di mana pemasangan infrastruktur, khususnya kabel telefon masih belum siap. Pihak Jabatan Telekom Malaysia pada masa ini memang dalam perlaksanaan projek pemasangan kabel-kabel telefon di beberapa tempat berkenaan dan sebaik sahaja kerja-kerja tersebut selesai dijalankan, semua permohonan-permohonan dijangka dapat dipenuhi;
- (b) Jumlah kabel telefon yang terdapat di Alor Setar pada masa ini ialah 31,156 pasangan kabel berkesan (effective cable pair) dan muatan talian ibusawat adalah sebanyak 10,000 talian;

- (c) Bilangan pertambahan kabel talian di bandar Alor Setar pada tahun 1983 adalah sebanyak 4,000 talian. Jumlah talian pada akhir tahun 1983 adalah 21,000 talian.
- (d) Jabatan telekom Malaysia dijangka dapat mengadakan bilangan kabel telefon yang mencukupi di bandar Alor Setar apabila projek pemasangan kabel-kabel telefon yang dijalankan sekarang dapat disiapkan pada hujung tahun 1987 ataupun pada awal tahun 1988.

BUKU YANG MENIMBULKAN PERPECAHAN RAKYAT

17. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar banyak penerbit buku menulis buku-buku yang boleh mendatangkan perpecahan di kalangan rakyat negara ini, terutama sekali buku-buku bercorak Agama Islam dan politik. Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang menyemak terbitan buku-buku seumpama itu sebelum dicetak dan diedarkan kepada orang ramai.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedar adanya penerbit-penerbit yang menerbitkan buku-buku yang boleh menimbulkan perpecahan di kalangan rakyat Malaysia. Namun demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk menyemak isi kandungan buku-buku seumpama itu sebelum dicetak dan diedarkan kepada orang ramai kerana tindakan ini akan menyusahkan semua penerbit buku dan tidak praktikal.

Walau bagaimanapun, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 memberi kuasa kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mengawal kemasukan sebarang penerbitan asing serta pengedaran penerbitan asing dan penerbitan tempatan di negara ini. Mengikut Seksyen 7 Akta tersebut, Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri boleh mengharamkan pengimportan, percetakan, penjualan, pengedaran atau pemilikan mana-mana penerbitan yang isi kandungannya boleh memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan negara, kemoralan, kepentingan awam dan kepentingan negara bertentangan dengan mana-mana undang-undang

atau menjejaskan perhubungan baik dengan negara sahabat.

PINJAMAN BANK - MELONGGARKAN SYARAT

18. Tuan Ng Ah Poi minta Nenteri Kewangan menyatakan sama ada Bank Negara ada rancangan untuk mengarahkan bank-bank perniagaan melonggarkan syarat pinjaman kepada peniaga-peniaga dan pemaju-pemaju untuk melaksanakan projek-projek mereka masing-masing demi untuk menyelesaikan masalah pengangguran pada zaman kemelesetan ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada keadaan kemelesetan ekonomi yang telah menjejaskan dayamaju kebanyakan projek dan juga pertambahan tabungan tidak secepat dengan pertambahan permintaan untuk pinjaman, bank-bank telah mengambil sikap lebih berhati-hati dalam pemberian pinjaman mereka bagi mengurangkan pendedahan mereka kepada pinjaman yang tidak boleh dibayar balik.

Walaupun demikian, Bank Negara telahpun memperingatkan bank-bank supaya terus memberi pertolongan untuk meringankan beban peniaga-peniaga, engan cara lebih memahami semasa menimbangkan permohonan untuk pinjaman-pinjaman baru atau mengubahsuai pembayaran balik pinjaman-pinjaman yang sedia ada. Institusi-institusi kewangan juga telah digesa supaya lebih bersimpati kepada peminjam-peminjam yang menghadapi masalah aliran wang tunai pada masa ini, dengan membuat kajian secara mendalam mengenai masalah peminjam-peminjam berkenaan dan menawarkan penyelesaian yang berkesan, termasuk penyusunan semula atau pembiayaan semula pinjaman, di mana perlu. Sebagai tambahan, Bank Negara telah menggesa bank-bank supaya menubuhkan unit pemulihan bagi membantu memulihkan projek-projek yang berdayamaju tetapi mempunyai masalah.

Bank Negara juga telah mengambil beberapa langkah untuk melonggarkan keadaan mudahtunai dan seterusnya mengurangkan kos kumpulanwang. Ini termasuklah penurunan keperluan berkanun dan keperluan mudahtunai bank-bank dan menyediakan kumpulan wang pada

kos yang lebih rendah di bawah Tabung Pelaburan Baru dan Kemudahan Pembiayaan Setnula Kredit Eksport. Selain daripada itu, di antara bulan Januari dan September tahun ini, pihak berkuasa telah menyalurkan \$3.8 billion ke dalam sistem kewangan. Dengan langkah-langkah ini, kedudukan mudahtunai telah menjadi bertambah baik. Pasaran wang antara bank dan kadar faedah simpanan telah pun turun.

PERMOHONAN KERAKYATAN

19. Tuan A. Shaik Dawood minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab permohonan kerakyatan kadang-kadang mengambil masa 5 hingga 10 tahun untuk diproses.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setiap permohonan taraf kewarganegaraan perlu disemak dengan rapi dan dikaji dengan teliti untuk memastikan kesahihan setiap maklumat yang diberikan oleh pemohon-pemohon berkenaan. Prosesan secara rapi ini perlu dibuat bagi menjamin bahawa setiap pemohon itu benar-benar memenuhi syarat-syarat dan berkelayakan sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan Malaysia.

Semakan teliti perlu juga dibuat untuk menentukan bahawa seseorang pemohon itu adalah seorang yang berkelakuan baik. Prosesan ini mengambil masa tetapi ia perlu bagi memastikan bahawa hanya mereka yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan akan dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nyatakan sama ada Kementerian Dalam Negeri ingin menubuhkan satu panel khas untuk memutuskan permohonan warganegara yang sudah sampai 10 tahun.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri menganggap bahawa kuasa yang telah diberikan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri sudah mencukupi untuk mengendali masalah-masalah yang akan timbul.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim: Soalan tambahan. Sehingga kini bolehkah Timbalan Menteri memaklumkan berapa ramaikah yang telah dianugerahkan taraf kerakyatan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, taraf kerakyatan yang telah diberikan sejak tahun 1970 adalah dianggarkan tiga juta orang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.20.

PULAU JEREJAK - PUSAT PEMULIHAN AKHLAK

20. Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim [di bawah S.O. 23(2)]: minta Perdana Menteri menyatakan apakah sikap Kerajaan Persekutuan mengenai hajat Kerajaan Negeri Pulau Pinang menuntut balik sebahagian daripada Pulau Jerejak yang menjadi Pusat Tahanan. Sejauh manakah rundingan telah diadakan antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Kerajaan Persekutuan mengenai tuntutan tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan berharap Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak dapat dikekalkan oleh sebab pulau ini sangat sesuai sebagai satu tempat tahanan bagi penjenayah-penjenayah dan pemindahan pusat ke tempat yang lain akan melibatkan banyak perbelanjaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rundingan-rundingan yang telah diadakan setakat ini adalah di peringkat prinsip sahaja.

PENGALIRAN MODAL TEMPATAN KE LUAR NEGERI

21. **Tuan Ng Ah Poi** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa telah berlakunya sebahagian besar modal perniagaan tempatan mengalir ke luar negeri baru-baru ini. Jika sedar, maka apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasinya.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini ada berkaitannya dengan soalan yang saya jawab semalam. Walau bagaimanapun Kerajaan memang sedar bahawa adanya pengaliran keluar modal tempatan ke luar negeri. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana kita mengamalkan sistem kawalan pertukaran matawang yang liberal. Pelabur-pelabur adalah bebas memasukkan modal ke negeri ini ataupun mengeluarkannya.

Walaupun bagaimanapun, adalah lebih berfaedah kepada negara untuk menggalakkan modal-modal yang dimasukkan terus berada di negara kita. Oleh itulah Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menambahkan aliran masuk modal ke negara ini. Antara langkah-langkah tersebut termasuklah mengadakan garis panduan yang lebih liberal mengenai ekuiti asing dalam Akta Penyelarasan Pelaburan dan peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing. Langkah lain yang diambil oleh Kerajaan telahpun saya bentangkan di Dewan yang Mulia ini di dalam Perutusan Belanjawan saya dan juga Laporan Ekonomi 1986/1987. Insya Allah, dengan adanya pemulihan ekonomi negara Kerajaan percaya aliran masuk modal dari luar negeri akan bertambah.

Tuan Mohd. Yusof bin Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memanglah negara kita ini sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan tadi mengamalkan dasar liberal. Masaalahnya adakah kita kalau ada banyak wang mengalir keluar daripada negara kita ini adakah Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menahan ataupun mengawal pengaliran keluar modal ke luar negeri daripada negara ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi memang ada pengaliran keluar modal tempatan dari negara kita ini ke luar negeri. Tetapi seperti apa saya katakan tadi sistem ekonomi negara kita ini adalah sistem kawalan pertukaran mata wang yang liberal, dengan lain perkataan sistem ekonomi kita ini adalah sistem ekonomi yang liberal dan bebas lagi terbuka. Oleh kerana itulah susah dan sukar bagi Kerajaan kita untuk mengawal pengaliran keluar daripada negara kita ini, Tetapi sebagai langkah yang positif yang diambil oleh Kerajaan kita menggalakkan modal yang dimasuk terus berada di negara kita ini dan Kerajaan kita juga sentiasa menggalakkan kemasukan pelaburan asing ke dalam negara kita ini.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar desas-desus yang menyatakan bahawa beberapa kejadian-kejadian yang berunsur eksterim oleh eksterimis-eksterimis di negara kita menyebabkan banyaknya pelabur-pelabur luar memindahkan pelaburannya ke negara lain. Kejadian seumpama anti-zionis, pribumi dan juga krisis-krisis keyakinan yang berlaku dalam parti-parti politik di dalam Malaysia.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa isu-isu sensitif politik yang timbul di dalam negara kita ini memanglah mempengaruhi sedikit pengaliran keluar wang daripada negara kita ini. Oleh kerana itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita selalu mengatakan bahawa ahli-ahli politik yang ada di dalam negara kita ini jangan berkata-kata untuk pencapaian politik sendiri, itu akan menjejaskan ekonomi negara kita ini. Tetapi memandangkan pengaliran keluar wang di dalam negara kita ini, keadaan ini bukan serius.

PASPORT ANTARABANGSA MALAYSIA - PEMBAHARUAN

22. Tuan Chan Choon Tak minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) alasan-alasan bagi sesuatu permohonan untuk membaharui pasport mungkin berlaku;
 - (i) ditolak; atau
 - (ii) diluluskan setelah satu masa berasaskan kepada pendapat yang ditetapkan oleh pegawai Imigrasi; dan
- (b) sama ada seorang pegawai imigresen ada kuasa pertimbangan menolak permohonan untuk pembaharuan sesuatu pasport antarabangsa setelah sehelai dari pasport itu terkoyak dan pemohon telah menerangkan dengan cukup lengkap kepada pihak berkuasa Imigresen yang berkenaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk memperbaharui pasport boleh ditolak oleh Pegawai Imigresen di atas alasan-alasan seperti kecuaiannya seseorang untuk mengawal keselamatan pasport, bantahan keselamatan dan perintah mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang Pegawai Imigresen pada masa menjalankan tugasnya diberi kuasa untuk menimbang permohonan pembaharuan sesuatu pasport Malaysia sekiranya beliau mengesyaki bahawa pasport Malaysia itu telah diubah, dipinda atau dengan izin, "tempered with" termasuk helaian pasport itu terkoyak, permohonan pembaharuan pasport tersebut boleh ditolak.

KENAIKAN YURAN PENGAJIAN DI LUAR NEGERI

23. Dato' Dr. K.S. Nijhar minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri akibat kenaikan yuran dan kos-kos yang lain.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Wong See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar dengan masalah yang dihadapi oleh penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri akibat kenaikan yuran pengajian yang dikenakan oleh beberapa negara. Dalam hal ini, Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri telah diarah untuk menyiasat dan menentukan bilangan penuntut-penuntut Malaysia yang terlibat. Penuntut-penuntut yang tidak sanggup menanggung beban kenaikan yuran akan dinasihatkan berpindah ke negara-negara lain di mana yuran pengajiannya adalah lebih murah. Kerajaan juga akan terus berunding dengan negara-negara berkenaan meminta supaya yuran pengajian tidak terus dinaikkan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987****Bacaan Kali Yang Kedua****4.00 ptg.**

Menteri Kewangan [Tuan Daim Zainuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadang supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang ini untuk perkhidmatan bagi tahun itu", dibacakan pada kali yang kedua.

Semenjak saya menyampaikan Perutusan Belanjawan 1986 tahun lalu, kedudukan ekonomi negara telah merosot dengan lebih teruk dari yang dijangkakan.

Pertumbuhan ekonomi dunia yang masih perlahan, harga-harga barangan utama yang terus berada pada paras yang rendah serta amalan perlindungan oleh negara-negara maju di pasaran dunia telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Pertumbuhan sebenar negara-negara perindustrian dijangka merosot kepada 2.8 peratus tahun ini, berbanding dengan 3 peratus dalam tahun 1985.

Selain daripada itu, beberapa negara perindustrian dijangka akan terus mengalami defisit yang besar dalam akaun semasa imbalan pembayaran mereka. Defisit yang besar ini serta kadar pengangguran yang tinggi telah mendorong negara-negara perindustrian meningkatkan perlindungan perdagangan mereka. Oleh itu, peluang negara-negara membangun untuk meningkatkan eksport adalah terhad.

Perkembangan ekonomi Malaysia juga terjejas akibat daripada

prestasi ekonomi dunia yang tidak menggalakkan. Keluaran Dalam Negara Kasar, atau KDNK sebenar, dijangka berkembang hanya pada kadar 0.5 peratus sahaja pada tahun ini.

Kemerosotan pendapatan eksport juga akan menyebabkan defisit akaun semasa Imbangan Pembayaran yang lebih besar, iaitu 3,237 juta ringgit berbanding dengan 1,795 juta ringgit dalam tahun 1985.

Kemerosotan pendapatan eksport dan juga pendapatan negara seterusnya akan menjejaskan hasil Kerajaan. Dalam tahun 1986 hasil Kerajaan Persekutuan dijangka turun sebanyak 2 ribu juta ringgit. Memandangkan kejatuhan ini, Kerajaan telah mengurangkan peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak 1.4 ribu juta ringgit. Walau bagaimanapun, potongan ini masih tidak dapat mengatasi jurang perbezaan antara hasil dengan perbelanjaan. Dengan demikian, akaun semasa Belanjawan akan mengalami defisit sebanyak 1.3 ribu juta ringgit dalam tahun 1986.

Defisit keseluruhan dalam kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan juga dijangka meningkat lagi, walaupun usaha-usaha telah diambil sejak tahun 1982 untuk mengurangkan perbelanjaan. Defisit ini dijangka meningkat daripada 5.7 ribu juta ringgit dalam tahun 1985 kepada 8.9 ribu juta ringgit tahun ini. Kedudukan kewangan sektor awam yang meliputi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri serta Perusahaan Awam Bukan Kewangan, juga dijangka merosot. Defisit keseluruhan sektor awam dijangka meningkat daripada 7.5 ribu juta ringgit dalam tahun 1985 kepada 12.5 ribu juta ringgit dalam tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan ini, pengurusan ekonomi negara dalam tahun 1987 akan ditumpukan kepada usaha-usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang sederhana dan stabil. Selaras dengan tujuan ini, strategi Belanjawan tahun 1987 bertujuan untuk:

- (i) mengurangkan peranan sektor awam di dalam ekonomi dan memperkukuhkan kedudukan kewangan negara;
- (ii) menggalakkan pertumbuhan eksport serta mengurangkan import untuk memperbaiki Imbangan Pembayaran; dan
- (iii) memperbaiki suasana pelaburan untuk memperkembangkan pelaburan swasta dan meningkatkan keyakinan pihak swasta.

Sejajar dengan strategi Belanjawan ini, saya mencadangkan sejumlah 27,412 juta ringgit diperuntukkan dalam Belanjawan 1987. Daripada jumlah ini sebanyak 20,739 juta ringgit, atau 76% adalah bagi Perbelanjaan Mengurus dan 6,673 juta ringgit atau 24% bagi Perbelanjaan Pembangunan. Peruntukan yang dicadangkan ini adalah berkurangan sebanyak 3,400 juta ringgit atau 11% lebih rendah, jika dibandingkan dengan Anggaran Belanjawan 1986.

Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Tahun 1987 yang dicadangkan telah dikurangkan sebanyak 1,215 juta ringgit atau 6% lebih rendah dari peruntukan Belanjawan 1986. Walau bagaimanapun, akaun semasa Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1987 dijangka menunjukkan defisit sebanyak 2,718 juta ringgit. Defisit ini akan berterusan jika langkah-langkah tegas tidak diambil. Memandangkan defisit yang besar ini, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) kadar faedah ke atas pinjaman perumahan dan pinjaman kereta akan dinaikkan;
- (b) syarat-syarat kelayakan mendapat pinjaman perumahan Kerajaan yang lebih ketat akan dilaksanakan;

- (c) beberapa agensi yang mempunyai pertindihan fungsi akan digabungkan;
- (d) bilangan dan saiz perwakilan diplomatik dan lain-lain pejabat di luar negeri dikurangkan;
- (e) mengurangkan bilangan pekerja sektor awam;
- (f) mengubahsuai skim biasiswa;
- (g) skim pencen akan dimansuhkan bagi pekerja-pekerja sektor awam yang baru dan mereka yang belum lagi ditempatkan dalam jawatan ber-pencen;
- (h) mengurangkan atau memansuhkan elaun-elaun dan keistimewaan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan lain-lain anggota pen-tadbiran;
- (i) mengurangkan elaun-elaun keraian dan perumahan pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah ini dilaksanakan kerana Kerajaan berazam untuk mencapai imbangan dalam akaun semasa Kerajaan Persekutuan sebelum atau pada tahun 1989.

Dalam usaha mengawasi perbelanjaan sektor awam, Kerajaan telah mengurangkan peruntukan perbelanjaan kepada Perusahaan Awam Bukan Kewangan, atau PABK, daripada 5,875 juta ringgit dalam tahun 1986 kepada hanya 3,452 juta ringgit bagi 1987. Di samping itu syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan sedang diawasi dengan lebih rapi bagi memastikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dapat diatasi segera.

Dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1987, sebanyak 4,469 juta ringgit atau dua pertiga akan disediakan bagi projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar. Ini menunjukkan bahawa sungguhpun sumber-sumber kewangan semakin terhad, Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang berat ke atas pelaksanaan projek-projek pembangunan yang akan memberi manfaat kepada golongan di luar bandar di mana kadar kemiskinan masih lagi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, akaun semasa imbangan pembayaran masih lagi mengalami defisit yang agak besar. Cara utama untuk mengatasi keadaan ini ialah melalui peningkatan eksport. Oleh itu usaha-usaha untuk menggalakkan eksport perlu dipesatkan lagi. Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah bagi menggalakkan eksport dan mengurangkan kos perniagaan untuk meningkatkan tahap persaingan eksport Malaysia. Pada masa yang sama, usaha mengurangkan import terutamanya import makanan sedang dilaksanakan.

Akaun perkhidmatan imbangan pembayaran juga terus mengalami defisit yang besar. Untuk mengurangkan defisit ini, Kerajaan akan menggalakkan penubuhan kolej-kolej swasta. Dengan ini adalah diharapkan aliran keluar perbelanjaan ke atas perkhidmatan dapat dikurangkan.

Kerajaan akan terus berusaha untuk memperbaiki kedudukan Imbangan Pembayaran negara. Untuk tujuan ini, langkah-langkah akan diambil bagi memperbaiki dan menambah kemudahan-kemudahan pelancongan bagi menggalak lebih ramai pelancong luar negeri melawat Malaysia. Sejajar dengan hasrat ini, Pulau Langkawi akan dijadikan sebagai pelabuhan bebas mulai 1hb Januari, 1987. Dengan itu adalah diharapkan bahawa Pulau Langkawi akan menjadi pusat pelancongan di negara ini. Semua duti import, duti eksport, duti eksais, cukai

jualan dan cukai perkhidmatan tidak akan dikenakan di Pulau Langkawi melainkan duti import dan duti eksais ke atas petroleum dan bahan-bahan petroleum. Walau bagaimanapun, di atas sebab-sebab perdagangan dan perindustrian serta keselamatan, larangan eksport dan import ke atas barang-barang tertentu yang dikenakan sekarang perlu juga dikuatkuasakan di Pulau Langkawi.

Ekonomi negara tidak akan pulih selagi prestasi sektor swasta adalah lembap. Beberapa langkah baru telahpun diambil oleh Kerajaan bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta, termasuk melonggarkan beberapa prosedur dan pindaan kepada Akta Penyelarasan Perindustrian.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita mempunyai sistem pertukaran wang asing yang liberal. Walau bagaimanapun, beberapa prosedur yang diamalkan sekarang menyekat kelicinan aktiviti ekonomi dan melarabatkan pelaksanaan keputusan perniagaan. Oleh itu, saya bercadang untuk melonggarkan lagi beberapa syarat pertukaran wang asing, dengan mengurangkan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh ahli-ahli perniagaan apabila mengeksport dan membolehkan pelabur-pelabur mendapat kemudahan kredit yang lebih.

Pendapatan dari eksport barangan merupakan sebahagian besar dari pendapatan pertukaran wang asing negara, Peraturan pertukaran wang asing terhadap eksport yang diamalkan sekarang adalah untuk menentukan negara mendapat pembayaran daripada eksport, dalam masa yang munasabah. Pada masa ini, pengeksport-pengeksport perlu mendapat pengesahan eksport jika tiap-tiap kiriman eksport melebihi 5,000 ringgit. Selain dari itu, kelulusan bank diperlukan terlebih dahulu, matawang pembayaran dari eksport perlu ditetapkan dan sijil pengesahan penerimaan kiriman eksport itu dari bank adalah dikehendaki. Untuk memudahkan perdagangan, saya bercadang menyenangkan prosedur-prosedur ini dan mengurangkan borang yang perlu diisi untuk tujuan eksport. Seterusnya, borang pertukaran wang asing hanya perlu diisi untuk kiriman eksport yang melebihi 20,000 ringgit.

Untuk menggalakkan pelaburan asing dan pelaburan dalam negeri, syarat-syarat pinjaman luar negeri oleh pemastautin dan pinjaman dalam negeri oleh pelabur-pelabur asing akan dilonggarkan.

Mengikut peraturan sekarang, kebenaran Pengawal Pertukaran Wang Asing adalah diperlukan bagi pinjaman dari luar negeri yang bernilai 100,000 ringgit atau lebih. Adalah dicadangkan supaya hanya pinjaman matawang asing yang lebih dari 1 juta ringgit sahaja bagi tiap-tiap kes yang memerlukan kebenaran.

Dalam masa sekarang, syarikat yang menjalankan aktiviti di Malaysia yang dikuasai secara terus atau secara tidak terus oleh bukan pemastautin perlu mendapat kebenaran untuk meminjam lebih dari 500,000 ringgit di Malaysia.

Saya mencadangkan untuk meningkatkan had pinjaman kepada 10 juta ringgit untuk tiap-tiap syarikat. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat tersebut hendaklah mendapat 60 peratus dari keperluan kredit ini dari institusi-institusi kewangan yang didaftarkan di Malaysia. Dengan langkah ini, kebanyakan pinjaman dalam negeri dari pelabur-pelabur asing, tidak lagi memerlukan kelulusan Pengawal Pertukaran Wang Asing.

Di bawah peraturan sekarang, import dan eksport emas bungkai dalam bentuk emas ketul dan wafer emas yang berat tiap-tiap satunya melebihi 100 gram dan import duit emas dan pingat emas, memerlukan kelulusan Pengawal Pertukaran Wang Asing. Di samping itu, lesen khas untuk mengimport atau mengeksport emas adalah diperlukan dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya mencadangkan untuk menghapuskan kawalan terhadap import dan eksport emas bungkai, duit emas dan pingat emas.

Untuk membolehkan institusi-institusi kewangan, pengeksport-pengeksport dan peniaga-peniaga lain memahami peraturan-peraturan baru ini, syarat-syarat dan prosedur-prosedur mengenai pertukaran wang asing dan perniagaan emas akan dilaksanakan mulai 1hb Januari, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan kali ini, beberapa langkah cukai telah diperkenalkan untuk mencapai strategi Belanjawan 1987. Perubahan-perubahan yang dicadangkan, pada keseluruhannya bertujuan menggalakkan kegiatan ekonomi dan untuk meningkatkan pungutan hasil. Langkah-langkah untuk meningkatkan pungutan cukai akan menambahkan hasil Kerajaan sebanyak 80 juta ringgit. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengalami kerugian hasil sebanyak 69 juta ringgit dalam tahun 1987 disebabkan galakan-galakan dan potongan-potongan cukai yang akan diberi. Setelah mengambil kira semua cadangan cukai, hasil negara akan bertambah sebanyak 16 juta ringgit dalam tahun 1987.

Bagi mempertingkatkan pungutan cukai, dan mengurangkan kebocoran di dalam sistem cukai, langkah-langkah seperti berikut telah diperkenalkan:

- (i) percukaian ke atas syarikat-syarikat insuran nyawa dipinda supaya komisyen tidak dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan,
- (ii) melaksanakan skim potongan untuk pungutan cukai pendapatan hasil Semenanjung Malaysia.
- (iii) pengecualian cukai ke atas pendapatan sewa rumah apabila pemiliknya berpindah tempat kerja ditarik balik.

- (iv) senarai pengecualian cukai kepada badan-badan amal, perbadanan, institusi dan organisasi dikaji semula.

Di dalam Ucapan Belanjawan di Dewan Rakyat, saya telah menyatakan bahawa senarai pertubuhan dan institusi di bawah Bahagian II, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan, 1976 yang dikecualikan daripada cukai pendapatan akan disemak semula. Hanya institusi yang layak sahaja akan diberi pengecualian. Untuk mempercepatkan proses semakan semula ini, institusi dan organisasi yang ingin mendapat pengecualian cukai pendapatan hendaklah mengemukakan permohonan sebelum bulan Mac, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan dari cadangan cukai yang lain yang terdapat di dalam Belanjawan kali ini adalah merupakan galakan-galakan atau pelepasan-pelepasan cukai, bertujuan untuk mempertingkatkan perkembangan ekonomi negara. Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki akaun semasa imbalan pembayaran dan salah satu daripada caranya ialah melalui peningkatan eksport. Untuk mencapai objektif ini, beberapa galakan disediakan dalam Belanjawan 1987, seperti mengubah struktur duti eksport ke atas minyak kelapa sawit mentah, galakan-galakan baru di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, pindaan ke atas skim pembiayaan semula kredit eksport dan pengecualian duti import untuk pengeksport-pengeksport tidak langsung.

Pada masa ini, pasaran harta dan sektor perumahan adalah agak lembab. Untuk memulihkan pasaran harta, adalah dicadangkan supaya kadar cukai pemindahan syer diturunkan, dari 10 peratus kepada 2 peratus dan pengecualian cukai pemindahan syer pula diperluaskan kepada syarikat-syarikat yang menyusun semula bagi tujuan kecekapan.

Untuk menggalakkan pertumbuhan sektor perumahan pula adalah dicadangkan kadar cukai ke atas keuntungan harta tanah dikurangkan sebanyak 50 peratus. Selain dari itu, pengecualian duti setem akan diperluaskan kepada syarikat-syarikat yang menyusun semula atau ber-cantum bagi tujuan kecekapan dan perkembangan.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan ekonomi negara-negara perindustrian yang merupakan rakan-rakan dagangan utama Malaysia, tidak menggalakkan di mana kadar pertumbuhan dijangka akan meningkat sedikit sahaja iaitu kepada 3 peratus dalam tahun 1987. Pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian yang kurang memuaskan ini dijangka tidak akan meningkatkan permintaan luar barangan eksport Malaysia secara berkesan dalam tahun 1987. Oleh itu, ekonomi Malaysia dijangka berkembang dengan sederhana sebanyak 1 peratus sahaja dalam tahun 1987, berbanding dengan 0.5 peratus pada tahun 1986.

Kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran dalam tahun 1987 masih tidak memuaskan. Defisit akaun semasa ini dijangka berjumlah 3,067 juta ringgit pada tahun 1987. Oleh itu tindakan akan terus diambil untuk mengurangkan lagi defisit ini.

Bagi tahun 1987 jumlah pungutan hasil dijangka sebanyak 18,021 juta ringgit, manakala jumlah perbelanjaan mengurus ialah sebanyak 20,739 juta ringgit. Oleh itu, defisit akaun semasa tahun 1987 dianggarkan sebanyak 2,718 juta ringgit. Dengan mengambilkira perbelanjaan pembangunan bersih sebanyak 5,573 juta ringgit defisit belanjawan keseluruhannya ialah sebanyak 8,291 juta ringgit. Jumlah ini adalah besar dan langkah-langkah yang lebih tegas perlu diambil dengan segera supaya akaun semasa Kerajaan Persekutuan dapat diseimbangkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan pada awal tadi, negara sedang mengalami satu tempoh pertumbuhan ekonomi yang lembab. Ini adalah satu kenyataan yang mesti diterima oleh semua lapisan rakyat.

Untuk mengatasi kesulitan ekonomi yang sedang dihadapi, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah yang lebih tegas dalam Belanjawan kali ini. Ada di antara langkah-langkah ini yang telah mendapat tentangan dari pihak-pihak tertentu, tetapi saya ingin menegaskan sekali lagi, bahawa ianya adalah perlu demi menentukan pemulihan ekonomi negara.

Kejayaan usaha-usaha ke arah memulihkan ekonomi negara juga bergantung besar kepada sektor swasta. Oleh kerana Kerajaan sedang mengurangkan peranannya dalam kegiatan ekonomi, sektor swasta diharapkan akan menjadi penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan berharap sektor swasta akan menunjukkan kemampuannya untuk menjadi penggerak utama kepada pembangunan negara. Dalam hal ini, sektor swasta perlulah meningkatkan kecekapan serta meningkatkan daya pengeluaran, mengurangkan kos pengeluaran dan bersikap lebih agresif dalam mencari pasaran.

Usaha-usaha memulihkan ekonomi negara memerlukan kerjasama semua pihak, termasuk para pekerja, kakitangan Kerajaan, sektor swasta dan rakyat jelata. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menumpukan segala usaha dan tenaga ke arah mengukuhkan kedudukan ekonomi negara.

Kita tidak seharusnya mengamalkan sikap sempit yang mementingkan diri sendiri semata-mata. Kita perlu sedar bahawa demi

kepentingan negara dan demi menjamin keutuhan ekonomi negara, pengorbanan dari semua pihak adalah perlu. Oleh sebab itulah dalam Belanjawan kali ini Kerajaan telah menggesa supaya semua pihak berkorban. Dengan adanya pengorbanan dari semua pihak serta usaha yang lebih gigih, saya yakin segala kesulitan yang dihadapi sekarang akan dapat diatasi, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1987 dan memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang, dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Datuk Nasir Manap.

4.21 ptg.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini iaitu membahaskan Rang Undang-undang yang bernama Akta Perbekalan 1987. Sebagaimana yang tercatat di dalam Rang Undang-undang ini adalah melibatkan peruntukan sebanyak \$12,634,896,140.00.

Jumlah peruntukan sebagaimana yang dijelaskan tadi adalah tertakluk kepada beberapa Kementerian dan Jabatan-jabatan di dalam negara kita ini. Dalam masalah ini, saya suka menitikberatkan dalam masalah peruntukan Maksud B.25 berhubung dengan Kementerian Pertahanan yang berjumlah peruntutannya \$1,992,278,000.

Dalam masalah peruntukan ini, saya rasa peruntukan yang banyak bagi diperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan, maka dalam masalah Kementerian Pertahanan ini, saya suka menarik perhatian berhubung dengan pertahanan di dalam negara kita. Dalam masalah pertahanan dalam negara kita ini, kita boleh bahagikan kepada tiga jenis pertahanan.

- (i) Pertahanan Udara;
- (ii) Pertahanan Laut; dan
- (iii) Pertahanan Darat.

Jadi, dalam masalah ketiga-tiga pertahanan ini, terpulanglah kepada kecekapan masing-masing menjaga cara macam mana untuk mereka mempertahankan negara kita ini. Di dalam masalah pertahanan ini juga, saya suka menarik perhatian berhubung dengan pertahanan negara seperti di negara vietnam, Kampuchea atau lain-lain negara dan kita merasai oleh sebab pertahanan-pertahanan di negara-negara tersebut tidak begitu kukuh, maka selalu berlaku pergaduhan, selalu berlaku peperangan di dalam negara tersebut.

Oleh sebab berlakunya peperangan di dalam negara tersebut yang memakan masa begitu lama, maka rakyat dalam negara tersebut telah hidup dalam keadaan menderita dan negara mereka juga tidak tenteram dan huru hara dan tidak menjalankan aktiviti yang sepatutnya sama ada dari segi pelajaran, perindustrian dan lain-lainnya.

Oleh sebab negara yang saya jelaskan tadi dalam keadaan huru hara, maka itulah sebabnya terdapat rakyat dalam negara Vietnam, Kampuchea dan lain-lainnya itu telah lari daripada negara mereka, terutama sekali mereka takut, mungkin mereka hidup tidak selesa dari mungkin nyawa mereka juga akan tidak selamat, Maka itulah sebabnya ramai di antara penduduk-penduduk negara yang saya jelaskan tadi telah lari daripada negara mereka sendiri.

Dengan itu, saya ingin menekankan sekiranya pertahanan negara kita ini, kita tidak mengambil perhatian yang kuat ataupun mengatasi prestasi dari semasa ke semasa, sama ada kedudukan alat senjata dan sebagainya, mungkin negara kita akan menerima juga nasib seperti negara-negara yang saya jelaskan tadi.

Dalam masalah ini, saya suka menarik perhatian Kerajaan berhubung dengan pertahanan negara, khususnya pertahanan udara. Dalam masalah pertahanan udara bagi negara kita ini, saya rasa kita berasa bangga kerana dalam masalah teknologi berhubung dengan ketenteraan udara, agak saya rakyat Malaysia ini telah mampu, mungkin dalam langkah yang pertama terdapat rakyat di negara kita ini yang telah mendapat kerja-kerja pemasangan kapalterbang.

Maka ini satu kejayaan juga kepada negara-negara yang sedang membangun, khususnya negara Malaysia ini. Dan apa yang kita ketahui juga, sekarang rakyat Malaysia telah juga dapat mencipta pesawat-pesawat ringan. Ini menunjukkan pesawat satu tapak permulaan kepada negara kita ataupun kepada rakyat negara kita yang boleh mencipta pesawat-pesawat ringan seperti helikopter dan sebagainya, Khususnya kepada Tentera Udara Di Raja Malaysia yang menjalankan projek ini di bawah rancangan Pesatuan Kit Plane.

Berhubung dari segi langkah kita mewujudkan prestasi yang begitu baik dari segi pembinaan atau pembuatan kapalterbang misalnya, maka mungkin di satu masa akan datang atau beberapa tahun akan datang, negara kita tidak lagi memerlukan pembelian pesawat-pesawat ringan seperti helikopter dan sebagainya.

Mungkin beberapa tahun yang akan datang sesudah ahli-ahli atau penduduk-penduduk negara kita ini telah dapat mencipta alat-alat penerbangan seperti yang dijelaskan tadi, mungkin di masa akan datang kita akan dapat mencipta alat penerbangan ataupun kapal-terbang yang lebih tinggi mutunya daripada yang saya jelaskan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ini saya suka menarik perhatian dan menekankan masalah pertahanan udara di negara kita ini, khususnya lapangan terbang di Sungai Besi dan di Butterworth. Kalau kita perhatikan kedudukan lapangan terbang di Sungai Besi dan di Butterworth, agak kita merasai kedudukan tempat lapangan terbang itu tidak selamat, terutama sekali kalau berlaku peperangan dan sebagainya. Yang saya maksudkan kedudukan lapangan terbang itu tidak selamat, satu diantaranya, lapangan terbang itu terdedah kepada lalu lintas orang ramai. Kalau kita memastikan baik-baik atau menghalusi dengan sedalam-dalamnya, apabila sesuatu tempat yang perlu dijaga dengan begitu baik, tetapi terdedah kepada orang ramai yang lalu lintas di sana, kita mesti mengambil perhatian yang sungguh-sungguh, tidak semua orang yang lalu lintas itu agak hatinya baik, agak betul-betul hendak menjaga keselamatan negara dan mungkin ada di antara orang-orang yang lalu-lalang di situ bermacam-macam masalah boleh menimbulkan hal kekuatan lapangan terbang yang saya jelaskan tadi. Itu yang pertama.

Keduanya, kalau kita perhatikan di sekeliling kawasan lapangan terbang itu terdapat penduduk-penduduk yang berhampiran dan setengah-setengahnya rumah mereka sampai atau hampir dengan kawasan pagar lapangan terbang itu, kalau kita kaji pula penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran dengan lapangan terbang itu, mungkin terdiri daripada setinggan-setinggan yang agak sukar untuk mendapat tempat tinggal mereka. Mereka memerhatikan kalau ada tanah-tanah Kerajaan yang sesuai, maka mereka mendirikan rumah mereka. Saya tidak menyalahkan kepada setinggan-setinggan ini, mungkin masalah terdesak, tetapi menekankan di sekeliling kawasan lapangan terbang udara kita terdapat ramai penduduk-penduduk, terutama sekali daripada

setinggalan-setinggalan atau ada di antaranya daripada penduduk-penduduk yang tinggal tetap, mungkin tanah itu tanahnya sendiri dan mereka telah membuat rumah kediaman mereka, maka itu juga kita boleh men-takrifkan di sekeliling kawasan-kawasan lapangan terbang, khususnya di Sungai Besi dan di Butterworth, agak terdapat orang ramai yang tinggal, di situ, sama ada setinggalan-setinggalan ataupun orang-orang ramai.

Dalam masalah ini, saya menarik perhatian iaitu kita harus mem-buat satu ukuran yang tertentu bagi menyelamatkan pertahanan negara kita ini, khususnya dalam masalah pertahanan udara dan dalam menentukan kerja-kerja yang macam ini, saya berharap kepada Kerajaan, yang pertama sekali mesti menentukan kawasan-kawasan yang khusus bagi lapangan terbang, sama ada kita hendak meletakkan dia sebagai nama zon ataupun kawasan-kawasan yang tertentu, terpulanglah kepada kita. Selain daripada itu mesti ada satu kawasan larangan yang tidak siapa pun boleh tinggal atau berulang-alik di kawasan itu. Dengan ini kita boleh membahagikan kawasan lapangan terbang itu kepada dua kawasan, kawasan yang dalam satu lingkungan, katalah yang di sebelah dalam kawalan lapangan terbang, tetapi luar daripada kawasan lapangan terbang mesti ada satu kawasan larangan, mungkin jaraknya beberapa ribu ela daripada kawasan-kawasan yang tertentu.

Selain daripada itu, dari segi kawasan-kawasan larangan yang saya jelaskan tadi, mesti tidak ada orang ramai yang tinggal di tempat itu, sekiranya kalau ada orang ramai yang tinggal di kawasan-kawasan sepertimana yang dijalankan kawasan larangan, ini tidak akan begitu selamat kepada pertahanan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini, maka saya suka menarik perhatian ataupun suka mengarahkan atau memberi pandangan kepada

Kerajaan sebagaimana yang saya jelaskan tadi, maka ini dicadangkan perkara-perkara yang perlu diambil tindakan dengan serta-merta. Pertamanya, sesudah kita menentukan kawasan-kawasan khas lapangan terbang dan sesudah kita menentukan juga kawasan-kawasan larangan bagi orang-orang ramai tidak boleh lalu ataupun tinggal di situ, sekiranya kalau ada terdapat kawasan-kawasan larangan yang kita tentukan, ada setinggaan-setinggaan yang tinggal di kawasan itu, maka Kerajaan hendaklah dengan serta merta mengeluarkan penduduk-penduduk di situ ke tempat-tempat yang lain, mungkin kalau kita hendak mengeluarkan mereka atau hendak menyuruh mereka pindah, mereka kumpulan yang miskin, kita sekarang banyak rancangan-rancangan rumah murah yang telah dibuat oleh Kerajaan, maka setinggaan-setinggaan yang terletak di dalam kawasan larangan itu kita boleh pindahkan terus ke rumah-rumah awam yang kita fikirkan sesuai. Kalau ada orang-orang yang tinggal di dalam kawasan larangan yang kita telah tentukan itu maka kita boleh beli atau acquire, dengan izin, tanah mereka dan kita suruh mereka pindah daripada tanah yang mereka tinggal itu. Jadi kalau kita laksanakan ini sama ada dalam masa 2 tahun, dalam masa 3 tahun, maka keselamatan, lapangan terbang udara kita ataupun lapangan terbang Tentera Udara kita agak terselamat dalam masalah-masalah, khususnya dalam peperangan begitu juga terselamat daripada orang-orang yang tinggal di situ sekiranya kalau tidak dipindahkan.

Selain daripada itu, apa yang saya jelaskan tadi terdapat di antaranya lalu-lintas prang ramai yang berhampiran dengan lapangan-terbang ini juga mesti ambil perhatian, sekiranya kalau lalu lalang yang berhampiran dengan lapangan terbang itu mesti dialihkan ke tempat lain supaya terselamat daripada orang ramai yang lalu lalang di situ.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu dalam masalah per-tahanan ini, saya suka menarik perhatian berhubung dengan satu kem tentera di Melaka, iaitu Kem Tentera di Sungai Udang, Melaka. Apa yang saya perhati dan saya dengar tentera di sana ada lebih kurang 5,000 orang yang sentiasa ada di kawasan Kem Terendak, Sungai Udang, tetapi Kem Terendak itu agak satu kawasan yang letaknya di antara Bandar Melaka dengan Tanjong Bidara ataupun kawasan-kawasan Masjid Tanah dan sebagainya. Daripada hendak masuk kawasan kem itu boleh dilalui agak lebih kurang dalam setengah batu lebih sahaja sudah sampai ke Tanjong Bidara. Jadi ada di antara orang ramai yang agak mengambil perhatian sungguh untuk cepat sampai di tempat-tempat yang tertentu, kalau mereka hendak melalui satu jalan lain hendak pergi ke Tanjong Bidara ataupun Masjid Tanah agak memakan jauhnya kira-kira 7, 8 batu. Jadi macam-macamlah usaha daripada orang ramai berjumpa dengan pihak tentera supaya membenarkan mereka melalui tengah-tengah betul Kem Terendak itu. Kita pun berterima kasih kepada pihak tentera yang telah membenarkan orang ramai yang tertentu melalui di kawasan tengah-tengah kem tentera itu.

Dalam masalah ini saya ada juga kadang-kadang bercakap dengan tentera yang tinggal di sana, maka mereka pun merasai agak kalau boleh supaya tidak dapat dibenarkan orang ramai lalu di situ kerana ada masalah-masalah yang telah berlaku di situ. Dalam masalah ini, sebagaimana yang telah diberikan oleh pihak tentera sekiranya kalau orang ramai hendak lalu di situ mesti ada passnya, kita mesti mengambil perhatian yang sungguh-sungguh, tidak semua orang yang lalu di situ kita harus penuh percaya. Ini perlu kita ambil perhatian.

Dalam masalah ini sebelum perkara-perkara yang buruk berlaku, khususnya di dalam tentera kita, maka saya mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan, kebenaran yang telah diberi oleh pihak tentera kepada orang ramai yang melalui kawasan tentera atau kawasan tengah-tengah tentera di sana perlu diambil perhatian yang sungguh-sungguh, Kalau boleh, tak usah dibenarkan orang ramai melalui di kawasan itu walaupun mereka mengatakan mereka tinggal di sebelah sana, tetapi hendak pergi balik. Ini kita mesti meragui dalam masalah lalu-lalang di situ yang dibenarkan kepada orang ramai, bukan sahaja mereka lalu di sebelah pagi, bahkan mereka lalu di sebelah malam, di tengah malam dan sebagainya. Kalau ini dapat diatasi, maka saya merasai baik dari segi keselamatan tentera kita, khususnya tentera darat yang tinggai di Kem Terendak, Sungai Udang. Tetapi kalau ada Kerajaan berkemampuan untuk membuat satu jalan baru lagi boleh juga dibuat, dipesongkan jalan itu ke tepi kem tentera itu. Barangkali ini memakan jangka masa yang panjang.

Dalam hal ini, saya mencadangkan pertama sekali mesti dimansuhkan laluan orang ramai di kawasan itu atau buatlah satu jalan lain yang boleh mendekati orang ramai, sama ada hendak pergi ke Masjid Tanah, Tanjong Bidara dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya menarik perhatian berhubung dengan peruntukan B.26 Kementerian Pelajaran. Dalam peruntukan Kementerian Pelajaran ini agak jumlahnya yang sama-sama kita akan luluskan \$4,043,944,600. Dalam hal ini barangkali perkara ini juga telah disebut beberapa kali, walau macam manapun, saya cuma hendak mengambil perhatian dan tahniah kepada Kementerian Pelajaran berhubung dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah ataupun dengan ringkasnya KBSR. Apabila Kerajaan telah melahirkan satu

Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang saya perhatikan telah berjalan kira-kira 6 tahun lalu, jelas kelihatan tiga perkara yang diambil perhatian dalam KBSR yang saya jelaskan tadi. Yang pertama, **ber-**hubung dengan pelajaran membaca. Kedua, pelajaran mengira dan ketiga pelajaran menulis dan lain-lain pelajaran ditekankan juga, tetapi penekanan ini diambil perhatian dalam tiga aspek, iaitu membaca, mengira dan menulis. Sekarang kita telah nampak kejayaan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan ataupun sekolah-sekolah, kita juga menyedari dan mengetahui daripada orang, ramai sebahagiannya ataupun guru-guru sebahagiannya yang mengatakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah ini agak berjaya kepada murid-murid di sekolah rendah yang menitikberatkan pelajaran asas yang saya jelaskan tadi.

Tahun ini, kalau tak silap saya, tahun yang akhir bagi sukatan pelajaran Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Sebagaimana yang dijangkakan tahun akan datang murid-murid ini akan memasuki sekolah menengah, dengan itu satu Kurikulum Baru Sekolah Menengah dapat diselaraskan kepada murid-murid yang telah tamat dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah, tetapi malangnya saya tidak tahu apa sebab Kurikulum Baru Sekolah Menengah ini ditangguhkan. Kita sedar Kementerian Pelajaran hendak membuat kajian. Kementerian Pelajaran hendak meneliti jenis-jenis pelajaran dan sebagainya. Ini kita mesti akur, tetapi selama 6 tahun dan tahu tahun demi setahun mesti sampai masanya Kurikulum Baru Sekolah Menengah itu mesti dilahirkan untuk anak-anak yang telah tamat di sekolah rendah, tetapi tidak dapat dilaksanakan.

Di sini saya khawatir bagaimanakah ini murid-murid yang telah menjalani sukatan pelajaran Kurikulum Baru Sekolah Rendah, tetapi terputus hubungannya apabila mereka hendak masuk ke sekolah menengah. Ini kita harus ambil perhatian. Alasan-alasan kita boleh cari, tetapi apakah nasibnya kepada murid-murid yang telah tamat pelajaran sekolah rendah dengan mengikuti Kurikulum Baru Sekolah Rendah, tetapi tidak dapat menyambungkan pelajarannya dalam bentuk Kurikulum Baru Sekolah Menengah. Adakah mereka hendak ikut kurikulum yang lama juga atau sebagainya? Dengan ini kita berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil perhatian yang sungguh-sungguh mewujudkan Kurikulum Baru Sekolah Menengah ini supaya kanak-kanak yang telah tamat Darjah Enam sekolah rendah tidak putus hubungannya di antara sukatan pelajaran ataupun Kurikulum Baru Sekolah Rendah ke Kurikulum Baru Sekolah Menengah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah hal pelajaran ini, saya suka menekankan - barangkali sekarang sedang diambil perhatian, berhubung dengan sukatan pelajaran dan mungkin dijelaskan terdapat sukatan pelajaran Tawarikh ataupun Sejarah hendak diubah nama dan sebagainya itu terpulanglah daripada tawarikh hendak diubah kepada nama lain pula, tak mengapa, asalkan maksudnya tawarikh dan sejarah. Sejarah penting mesti diajar kepada kanak-kanak dari sekolah rendah khususnya hingga ke sekolah menengah. Kalau tidak diajar pelajaran sejarah atau tawarikh daripada kanak-kanak yang masih kecil mereka menerima sahaja apa orang kata, sama juga orang itu kata menekankan dari segi politik dan menolak masalah sejarah dan sebagainya tetapi apabila kita menekankan sejarah, kita ini daripada mana, siapa itu datang dari mana dan mengapa mereka datang ke sini dan sebagainya, maka tidak ada orang lagi yang boleh mempersoalkan kepada mereka dan mereka tahu kerana mereka telah mempelajari sejarah atau tawarikh. Di dalam hal ini saya cuma menekankan pelajaran tawarikh ataupun pelajaran sejarah mesti diadakan dalam KBSM dan kalau boleh matapelajaran sejarah ini adalah suatu matapelajaran yang wajib.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada **itu**, saya suka juga mengambil perhatian berhubung dengan kedudukan Jabatan Pelajaran Daerah-daerah. Jabatan Pelajaran Daerah-daerah ini telah diwujudkan agak empat, lima tahun yang lalu. Semua negeri-negeri telah ada Jabatan Pelajaran Daerah kecuali Melaka - mungkin ada masalah.

Kalau kita tengok di Pulau Pinang pun ada Jabatan Pelajaran Daerah, di Selangor pun ada, Pahang pun ada. Kalau negeri itu besar maka banyaklah Jabatan Pelajaran Daerah. Kalau negeri itu kecil, misalnya Pulau Pinang, mungkin ada dua Jabatan Pelajaran Daerah.

Tujuan utamanya sebagaimana yang kita ketahui untuk menyenangkan perhubungan ataupun pentadbiran di antara Kementerian Pelajaran dengan Jabatan Pelajaran ataupun Jabatan Pelajaran dengan orang ramai. Itu yang menyebabkan diwujudkan Jabatan Pelajaran Daerah.

Bagi Jabatan Pelajaran Daerah Negeri Melaka, apa yang saya jelaskan tadi hingga sekarang belum wujud, tetapi beberapa tahun yang lalu telahpun diberitahu kepada pihak yang berkenaan sekurang-kurangnya ataupun adalah sesuai Pejabat Pelajaran Daerah di Melaka dapat diwujudkan dua sahaja. Satu, Jabatan Pelajaran Daerah Alor Gajah dan satu lagi, Jabatan Pelajaran Daerah Jasin. Saya bercakap hal Jabatan Pelajaran Daerah ini adalah untuk kepentingan masyarakat dan pelajaran orang ramai dan kanak-kanak, khususnya di tempat yang saya jelaskan tadi.

Apabila kita telah memohon sama ada dari mana-mana pihak, maka pihak Kementerian bersetuju, bolehlah diwujudkan Jabatan Pelajaran Daerah yang dicadangkan itu.

Saya merasai Jabatan Pelajaran Daerah telahpun ada kerana contohnya Jabatan Pelajaran Daerah Alor Gajah sudah ada bangunannya kerana bangunan sekolah di antaranya tidak digunakan dan dijadikan Pejabat Pelajaran Daerah. Begitu juga di Jasin, tetapi walaupun ada, pejabatnya tidak berfungsi sebagaimana yang agak kita fikirkan sesuai.

Kita sedar sekarang kita dalam masalah inflasi dan kekurangan wang untuk membiayai bagi pengwujudan Jabatan Pelajaran Daerah yang saya jelaskan tadi, tetapi ini pada saya tidak menimbulkan masalah yang membebankan wang bagi mewujudkan Jabatan Pelajaran Daerah kerana kita ada satu Jabatan Pelajaran Melaka. Ada Pengarah Pelajaran, Timbalannya ada dua atau tiga orang dan sebagainya, cuma

kita hendak menyelaraskan sahaja. Kita ambil seorang daripada timbalan pelajaran di Melaka dan tempatkan di Jasin. Ambil seorang lagi dan tempatkan di Alor Gajah. Pada saya tidak menimbulkan masalah sangat. Barangkali pekerja-pekerja juga kita boleh tarik. Kalau kita katakan tidak memakan wang, itu mustahil tetapi tidak memakan wang yang banyak dan kalau kita hendak buat dengan sekali harung aktiviti mereka 100% agak sukar.

Apabila kita sudah mengadakan beberapa orang pegawai-pegawai di Pejabat Pelajaran Daerah itu, maka kita boleh menentukan: awak boleh mengambil perhatian, misalnya dari segi kedudukan guru, pertukaran guru di antara sebuah sekolah dengan sebuah sekolah. Mungkin menekankan juga kepada lawatan sekolah-sekolah, maka sekolah-sekolah yang tertakluk di dalam kawasan ini, maka lawatannya awak bertanggungjawab. Maka dengan tidak secara langsung kita dapat menggerakkan sedikit demi sedikit, mungkin lagi lima atau enam tahun maka wujudlah satu atau dua Jabatan Pelajaran Daerah yang kita rancangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah yang dapat saya sampaikan di dalam Dewan ini. Dengan ini saya menyokong satu Akta yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan 1987. Sekian, terima kasih,

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin.

4.58 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, terima kasih kerana diberikan peluang. Saya mohon izin untuk bersama membahaskan mengenai perkara dan masalah di hadapan kita iaitu Kertas DR.25/86 iaitu mengenai Rang Undang-undang Perbekalan, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus masuk kepada tajuk-tajuk dan sentuhan yang akan saya buat mengenai Rang Undang-undang Perbekalan tersebut.

Pertamanya, saya ingin menyentuh peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, B.17 sebanyak \$19,364,000, Sesungguhnya ini merupakan satu kelegaan bagi Kementerian Wilayah Persekutuan di mana saya sendiri duduk di dalamnya. Maksudnya saya salah seorang rakyat yang tinggal di Wilayah Persekutuan, bukan duduk dalam Kementerian.

Sebenarnya Kementerian Wilayah Persekutuan mengeluh kerana beberapa masalah-masalah yang masih belum selesai iaitu permasalahan setinggan, memperumahkan rakyat, penjaja-penjaja yang tidak mendapat tempat dan layanan yang sesuai dan perkara mengenai kemudahan-kemudahan asas bagi penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sesungguhnya perkara yang amat patut diberikan tekanan kepada peruntukan yang diberikan ini, saya rasa ialah masalah memperumahkan semula setinggan-setinggan atau memberikan peluang kepada mereka yang tidak berumah untuk memiliki rumah-rumah yang dibuat atau yang telah dibina oleh pihak Dewan Bandaraya melalui atau di bawah naungan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini didapat beribu-ribu nama pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat awam, kakitangan Kerajaan, malahan ada di antara ratusan dari kakitangan Dewan Bandaraya dan Kementerian Wilayah Persekutuan itu sendiri yang tidak berkemampuan inginkan rumah saya ada rumah itu rumah pangsa atau rumah deret atau apa-apa sahaja yang sesuai dengan pendapatan mereka. Nama-nama yang di dalam list ini sejak daripada tahun 70an hingga sekarang perubahan gerakannya sangat sedikit, maksudnya yang dapat sedikit, yang tidak dapat yang banyak.

Kami yang ada ini sebagai pemimpin kerdil di Wilayah Persekutuan sentiasa dihubungi, sentiasa didatangi mereka ini, ada setengahnya menangis kerana ingin benar mendapatkan rumah pangsa satu bilik atau dua bilik, rumah yang berbentuk sewabeli ataupun belian. Terdapat juga di antara mereka ini terpaksa menyewa di kawasan-kawasan setinggian kerana tidak mampu hendak menyewa rumah-rumah yang ada dalam kawasan-kawasan bandar di sekeliling Wilayah Persekutuan kerana sewanya yang mahal. Ini menggalakkan mereka bersetinggian lagi. Maka setinggarden-setinggarden di Wilayah Persekutuan ini sentiasa menjadi masalah. Selepas satu kawasan setinggian kita selesaikan, muncul lagi satu kawasan lain kerana tidak adanya penampungan yang seimbang dari segi perumahan kepada penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan yang telah meningkat begitu ramai.

Dapat apalah juga kiranya supaya peruntukan ini nanti, pihak Kementerian dan Dewan Bandaraya memberi satu peruntukan khas kepada pembinaan rumah-rumah pangsa atau rumah-rumah yang sesuai dengan rakyat awam ataupun kakitangan-kakitangan Kerajaan yang inginkan

rumah tersebut. Permohonan-permohonan mereka sejak daripada tahun 70an, 80an dan sekarang sudah sampai tahun 1986 ada di antaranya mengatakan, "saya telah memohon rumah pangsa Dewan Bandaraya sejak tahun 1969 hingga sekarang saya belum mendapat apa-apa jawapan, jauh sekali daripada mendapat rumah yang berkenaan". Apa yang diterima hanyalah, "dukacita permohonan tidak berjaya".

Tuan Yang di-Pertua, entah di mana silapnya perkara ini, sedangkan nampaknya rumah-rumah pangsa dibina satu kawasan demi satu kawasan sama ada oleh pihak Dewan Bandaraya atau oleh swasta. Tidak tahu bagaimana pembahagian-pembahagian ini dibuat menyebabkan banyak benar lagi yang merintih. Kita rasa sangat simpati dengan mereka - rangmuda-rangmuda dan rangmudi-rangmudi yang datang ke Wilayah Persekutuan kerana mencari rezeki. Oleh kerana mereka tidak dapat perumahan yang sesuai, duduk menyelit-nyelit di mana-mana sahaja dan kadang-kadang terpaksa serumah tujuh, lapan orang, maka timbullah masalah sosial. Kerana terlalu inginkan kepada kedudukan yang stabil berlaku juga beberapa kejadian-kejadian yang melibatkan mereka ke dalam kancang-kancang yang membawa kepada penghinaan. Maksud saya, unsur-unsur yang tidak sihat mudah mempengaruhi mereka.

Seperkara lagi dari segi kesihatan, kita lihat kawasan setinggarden-setinggarden di seluruh Wilayah Persekutuan, saya katakan setinggarden, ialah supaya sesuai dengan pembangunan pesat dan metropolitan Wilayah Persekutuan, satu bandar yang menjadi ibu negara Malaysia yang tercinta, sebuah negara atau sebuah pusat bandar yang menjadi tumpuan perhatian pelancong seluruh dunia. Nyata sekali akan kelihatan sesiapa sahaja yang akan datang ke Wilayah Persekutuan setelah melawat Dayabumi, setelah pergi ke sana sini melihat Taman Titiwangsa, melihat bangunan gedung-gedung yang

indah-indah termasuklah bangunan Malayan Banking berbentuk keris yang hendak siap tidak lama lagi. Apabila mereka itu masuk sahaja ke Jalan Ampang, ke Datuk Keramat dan ke Setapak, lalu terus ke Cheras dan ke Kampung Pandan, mungkin mereka akan terkejut besar, mungkin mereka tidak akan dapat meyakini apa yang dikatakan oleh tour director mereka atau oleh guide pelancong yang berkenaan iaitu sebagai Pegawai Pelancong yang mereka ikuti menerangkan beberapa kemajuan, keindahan, kehebatan, mereka akan nampak setinggarden ini. Sepintas lalu, kalau mereka dijelaskan dengan DEB, mereka akan dapat jawapan yang jelas, benarlah DEB ini layu pencapaiannya, slow pencapaiannya, dengan izin, tidak steady pencapaiannya, dengan izin, kerana terdapat perbezaan seperti langit dengan bumi di antara Dayabumi dengan mereka yang tinggal di setinggarden-setinggarden yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya ialah peruntukan ini dapat diperuntukkan secara yang lebih bersungguh-sungguh kepada masalah untuk memberikan rumah kepada penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh mengenai Wilayah Persekutuan ialah masalah penjaja-penjaja kecil. Ini memang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya yang telah banyak berusaha, pegawai-pegawainya berhempas-pulas yang telah membuat beberapa perubahan-perubahan dan cuba memberikan layanan-layanan sewajarnya kepada masalah perumahan dan juga masalah penjaja-penjaja yang saya ingin sebutkan tadi. Tetapi oleh kerana kekurangan al-fulus, maksudnya kewangan, maka tidak dapat mereka menstabilkan kehendak-kehendak daripada penjaja-penjaja yang menyahut seruan Kerajaan

supaya berdikari dan berusaha sendiri dalam alam perniagaan untuk menampung mata pencarian. Hendaknya juga nanti peruntukan ini dapat juga diketepikan untuk melihat masalah penjaja-penjaja di Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai peruntukan yang diberikan kepada Muzium Negara, B.22, saya ingin menyarankan, kalau kita lihat Muzium Negara kita dari dahulu sampai sekarang, nyatalah ada perubahannya. Nyatalah bangga kita dengan sedikit perubahannya. Tetapi kalau kita pernah pergi ke Sarawak, sebuah negeri dalam Malaysia dan melihat Muzium di Kuching, Sarawak, nyatalah perbezaan kita sangat ketara. Saya berasa sangat hairan bagaimana Muzium di Sarawak lebih cantik, lebih kemas, lebih tinggi mutunya, lebih menarik, lebih berisi dari segi faktor sejarahnya daripada Muzium Negara kita sendiri. Kadang-kadang kalau kita membawa teman rakan dari luar negeri yang sudah ke Kuching dia nanti nampaknya matanya akan tertanya-tanya walaupun mulutnya tidak terbuka kerana segan dengan kita, agaknya, adanya perbezaan di Kuching lebih baik daripada di Kuala Lumpur. Di mana silapnya? Tidakkah boleh Muzium Negara kita ini kita jadikan sebagai Muzium yang benar-benar mengagumkan dan penuh dengan unsur-unsur sejarah dalam negara kita ini dan diubahsuaikan supaya ianya dapat memberikan gambaran nyata kepada citarasa negara dan kepada faktor-faktor sejarah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga memberikan sentuhan kepada peruntukan Polis Di-Raja Malaysia, B.36. Kita mengucapkan setinggi tahniah kepada Polis Di-Raja kita yang telah banyak membuat jasa, berkhidmat kepada negara dalam segala kewajipan yang ditanggungkan kepadanya. Tetapi masih ada lagi rasa terkilan di hati kita semua

mengenai pengawasan-pengawasan terutamanya jenayah-jenayah kecilan atau jenayah-jenayah yang menjadi kebiasaan di bandar, di kawasan-kawasan perumahan iaitu jenayah ragut **bag**, ragut rantai dan juga jenayah-jenayah kecurian-kecurian kecilan yang nampaknya makin hari makin hebat. Saya katakan, kerana ada buktinya. Di kawasan perumahan saya sendiri, malahan saya sendiri yang nampak begini besar, begini hebat berani juga penjenayah-penjenayah ini meragut **bag** saya sewaktu saya turun sahaja dari kereta.

Dengan tidak saya sedari beg saya telah diragut menggunakan pisau dan dengan tidak saya sedari rupanya badan saya yang tegap ini luka juga oleh rentapan daripada penjenayah-penjenayah kecil ini. Kejadian ini berlaku di kawasan saya sekurang-kurangnya empat kali satu bulan.

Saya telah pergi mengadu kepada pihak Ketua Polis di kawasan yang berkenaan meminta kerjasama, bertanya masalahnya mengapa perkara ini tidak dapat dibendung. Dan kita juga dengar hari-hari dalam mass-media percitakan kita, dalam suratkhobar, di mana-mana sahaja dalam negara kita, bandar-bandar besar dalam negara kita Ipoh, Pulau Pinang, Johor Baharu, di Muar, Kuala Lumpur lebih-lebih lagi, Petaling Jaya, cerita-cerita jenayah kecil yang begitu berleluasa hingga berani terang-terang sekarang pencuri-pencuri atau penyamun-penyamun yang moden ini tidak payah menunggu hari malam tetapi boleh masuk ke rumah sesiapa sahaja di waktu siang, kadang-kadang dengan samaran, kadang-kadang dengan terang-terangan dengan tidak mendapat pertolongan pihak polis yang berkenaan.

Saya juga telah pergi bertanya kepada pihak Bahagian Jenayah mengenai perkara ini kenapa kejadian-kejadian ini tidak dapat dibendung dan tidak berkesan sangat pembendungannya. Jawapannya ialah kurang kakitangan, kurang kemudahan dan kurang kelengkapan yang membawa kepada "al-fulus" juga.

Tuan Yang di-Pertua, diharaplah peruntukkan ini pihak Polis Di-Raja Malaysia yang memberi perhatian berat kepada perkara gangguan ketenteraman awam ini, Kadangkala banyak orang berjalan di Kuala Lumpur dengan rasa ketakutan, rasa girang melihat keindahan, rasa senang melihat segala perubahan tetapi rasa takut dan sentiasa berwaspada kepada pencopet-pencopet dan juga penjenayah-penjenayah

kecil yang berkeliaran. Pergi Globe Silks Store pun ada amaran, pergi Daya Bumi pun ada amaran, pergi Taman Titiwangsa pun ada amaran. Saya rasa kalau ada amaran kepada kereta-kereta yang rosak atau sengaja dirosakkan di kawasan yang tersembunyi dan sunyi baik juga "warning" itu kerana ini boleh menyebabkan mereka takut hendak pergi ke situ selalu. Dan khabarnya di Jalan Duta tidak ada lagi kereta rosak seperti dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang begitu membangun dan sudah banyak kemajuannya saya rasa kejadian-kejadian seperti ini walaupun sentiasa sukar hendak dibendung seterusnya atau hendak menghapuskannya sama sekali, sekurang-kurangnya meredakannya hingga tidak sampai menjadi bahan percakapan dan tidak sampai menjadi satu benda yang menakutkan orang ramai dan rakyat. Tahukah, Tuan Yang di-Pertua, apabila pelancung-pelancung hendak melawat ke Malaysia perkara pertama yang dia akan dengar "awasilah tukang copet", "awasilah penjenayah-penjenayah kecil dan penagih-penagih dadah."

Saya rasa perkara ini dapat kita bendung dan akan dapat kita laksanakan kerana Polis kita memang cemerlang khidmatnya. Kalau perkara-perkara yang lebih besar dapat diatasi, penyeludupan yang begitu sulit dapat juga diketengahkan, banyak perkara-perkara jenayah besar lain yang telah dapat dihapuskan. Saya percaya kalau diberi perhatian dan tumpuan yang lebih serius kepada jenayah-jenayah kecil ini akan juga dapat diredakan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Penetapan - B.44. Saya ingin memberikan saranan-saranan mengenai keluhan-keluhan orang ramai dan kakitangan Kementerian itu sendiri iaitu dari satu aspek sahaja saya ingin

sentuh mengenai kemudahan-kemudahan studio-studio rakaman sama ada di TV dan di Radio, khususnya RTM. Ramai rakyat mengkritik dan orang ramai khususnya penonton-penonton RTM sentiasa membandingkan Siaran Rangkaian Nasional dengan TV3. Kata mereka, "tak bestlah, warnanya tidak eloklah, dekorasi, atau latarbelakangnya tidak cantiklah; persembahannya tidak begitu menariklah seperti di TV3,"

Begitu juga dengan drama-drama yang dikeluarkan oleh RTM kita sama ada "Drama Minggu Ini" ataupun drama swasta. Didapati banyak kelemahan-kelemahannya malahan kalau dibandingkan dengan drama tahun 60-70an oleh Abdullah Zainal umpamanya ataupun oleh Hafsham dan lain-lain penerbit, didapati mutunya dan lakunannya juga tidak sama. Apabila dikaji bagaimana jadi begini, begitu juga mengenai drama-drama radio maka nyatalah faktor-faktor terpenting ialah al-fulus.

Mereka ataupun penerbit yang ingin memberikan karyanya yang baik, atau memberikan khidmatnya yang baik ingin menyampaikan kemampuan dan kebolehannya yang baik selalu tidak dapat melaksanakan cita-citanya kerana kekurangan kemudahan, kelengkapan dan kerana kekurangan hal-ehwal teknik dalam hendak menyiapkan drama atau persembahan yang berkenaan.

Kita harap pihak Kementerian Penerangan mengambil perhatian yang serius dalam perkara ini kerana siaran-siaran ini adalah menjiwai rakyat, Begitu juga studio-studio rakaman di radio. Tentulah apabila saya bercakap pada hari ini, yang kenalkan saya akan menyatakan saya bercakap melalui pengalaman.

Studio-studio kita di radio, didapati sangat daif tidak mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang wajar dan yang setara dengan zaman kemajuan yang ada. Alat-alat kesan bunyinya yang tidak cukup, rakam-khanahnya atau tempat-tempat menyimpan khanahnya yang tidak selaras dengan kehendak-kehendak siaran dan juga beberapa kemudahan teknik lain yang perlu sekarang dibaiki, perlu segera diperhatikan supaya dia dapat melahirkan siaran-siaran yang bermutu tinggi dan dihormati dan dapat mencapai cita-cita dari segi atau dari aspek matlamat mass-media RTM itu sendiri.

Sesungguhnya saya merasa kagum dengan daya usaha daripada pegawai-pegawai yang tinggi, yang tengah, yang rendah di RTM kerana ingin mempertingkatkan serta meninggikan mutu siaran masing-masing. Tetapi yang menjadi satu halangan ialah al-fulus, Tuan Yang di-Pertua. Maka diharap peruntukkan ini dapat melegakan sedikit rasa keciwa, keluhan daripada mereka yang ingin bekerja untuk rakyat, mereka yang benar-benar bertanggungjawab menyampaikan "message" kepada rakyat melalui RTM.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar - B.46. Saya kurang arif peranan Kementerian berkenaan. Tetapi apa yang dapat saya sentuh, mungkin selepas banjir yang melanda begitu hebat di Pantai Timur, Kementerian ini akan terpaksa bekerja keras untuk mengatasi masalah-masalah "air pollution", dengan izin, atau pencemaran-pencemaran udara. Dan juga mengenai kerosakan-kerosakan alam semula jadi.

Di harap Kementerian ini akan lebih giat lagi bekerja untuk menengok tanggungjawab dengan peruntukan yang diberikan ini, Saya tidak tahu sama ada Kementerian ini bertanggungjawab sama ataupun kongsi dengan Kementerian Pengangkutan mengenai adanya kenderaan-kenderaan tua, teruk yang sentiasa berkeliaran di bandar-bandar atau di jalan-jalanraya di seluruh negara kita.

Terdapat beberapa buah lori yang sudah patut ditimbang kati masih juga berkeliaran dengan asapnya yang berkepul-kepul dengan bunyinya yang menyeronkan. Kadang-kadang kalau kita bawa kereta di belakang sebuah lori atau sebuah bas mini atau di belakang sebuah bas persiaran yang buruk dan yang telah mengeluarkan bunyinya yang menyeronkan dengan kepulan asap seolah-olahnya ada kebakaran maka kita akan rasakan panas hati kepada Kementerian yang berkenaan kenapa tidak dikawal, kenapa dibiarkan, kenapa bas-bas ini dan kenderaan-kenderaan yang buruk dan dhaif ini masih tidak diberi perhatian supaya mereka membaiki atau terus menggantikannya dengan yang baru? Ini juga menimbulkan beberapa masalah dan kerumitan kepada rakyat umpama yang menggunakan jalanraya-jalanraya selain daripada pencemaran udara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh peruntukan kepada Kementerian Kerjaya. Kementerian ini sebenarnya satu Kementerian yang menjadi kesukaan, sebutan, kelahan, rintihan kepada kontraktor-kontraktor khasnya.

Terdapat juga rintangan-rintangan yang telah disampaikan bahawa Kementerian ini dalam menjalankan tender-tender besar terutama di dalam membuat jalan-jalanraya berlaku beberapa perkara yang tidak menyedapkan hati setiap kontraktor yang masuk tender. Ada desas-desus yang dirayukan, yang dikemukakan. Saya belum menyiasat sama ada betul atau tidak bahawa tender-tender yang masuk kepada Kementerian ini selalunya tidak selaras dengan cita-cita Kerajaan. Ada beberapa penyelewengan dibuat secara tersembunyi.

Umpamanya satu contoh, apabila tender-tender untuk membuat jalanraya masuk, maka biasa tender-tender yang tawarannya paling murah ataupun nombor dua murah, diterima. Dari segi meluluskan tender, pihak Kementerian mungkin mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apabila sampai kepada pelaksanaan kepada tender-tender berkenaan, maka berlakulah banyak penyelewengan menyebabkan cerita-cerita jalanraya siap 10 hari, kemudian roboh. Jalanraya siap di Pahang, tidak sempat setahun, dua tahun, pecah dan beberapa kedudukan-kedudukan yang menunjukkan peruntukan kepada tender berkenaan tidak dibelanjakan dan tidak dibuat mengikut syarat-syarat yang dikehendaki. Nyatalah juga ada beberapa perkara yang barangkali tidak dititikberatkan, menyebabkan rumah siap, pahat berbunyi. Kita mengharapkan pihak Kementerian Kerjaraya mengambil perhatian serius sekali ini kerana duit yang dibelanjakan dari rakyat dan perkara yang hendak dibuat adalah untuk rakyat. Hendaknya janganlah berlaku penganiayaan atau penyelewengan kerana kepentingan segolongan atau peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ini pahit bunyi atau saya mengharapkan pihak Kementerian akan menerimanya dengan ikhlas dan menyiasat serta mengkaji dengan teliti. Tolonglah, Tuan Yang di-Pertua, saya ulang lagi, tolonglah Menteri yang berkenaan janganlah menjawab sekadar membaca yang tulis, tetapi tidak meneliti dan menyiasat serta tidak bersungguh-sungguh untuk membetul, memperbaiki ataupun melihat secara serius, secara ikhlas kepada apa yang dibangkitkan ataupun apa yang disentuh. Kami dengan ikhlas memberi pandangan ikhlas supaya diberi perhatian yang serius dan konkrit dan dilaksanakan secara yang praktikal, bukan sekadar menjawabnya dengan membaca ataupun seperti melepas batuk di tangga. Jawapan yang biasanya paling enak kita dengar dan kadang-kadang menjemukan ialah diambil perhatian berat, akan dipertimbangkan, akan dikaji dan lain-lain tetapi tidak ada gerak langkah kepada apa yang dikata.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan yang diberi kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa pula, sesungguhnya kita mengharapkan Maksud B.15 ini akan dapat diberikan tekanan-tekanannya kepada perancangan di desa-desa. Kita tahu, Kementerian berkenaan tahu, pemimpin-pemimpin tahu, rakyat ramai tahu, mass media tahu bahawa banyak lagi rakyat di desa-desa di negara kita ini sama ada di Utara, Selatan, Timur dan di Barat masih memerlukan pembelaan daripada kemudahan-kemudahan asasnya ataupun infrastrukturnya. Harapkanlah mereka itu akan diberikan perhatian serius kerana mereka sudah lama menderita.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Masyarakat. Kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini. Sejak Menteri wanita, kemudian ditukar kepada Menteri lelaki, didapati Kementerian ini bergerak dan membuat berbagai-bagai kegiatan yang sesuai dengan fungsinya. Hanya apa yang saya ingin menyentuh ialah supaya Kementerian Kebajikan Masyarakat memberikan perhatian yang lebih dan serius kepada masalah nasib malang yang ditanggung oleh wanita-wanita muda yang terjerumus ke lembah kehinaan kerana pengaruh-pengaruh keliling atau oleh terpengaruh dengan kasanova-kasanova.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat di dalam Wilayah Persekutuan sahaja ada 1,200 wanita dan gadis-gadis malang yang telah terdorong ke lembah kehinaan kerana perkara-perkara yang saya sebutkan tadi iaitu pengaruh daripada kasanova, terpengaruh oleh sindiket tertentu dan juga oleh pengaruh sang-dadah. Mereka ini sebenarnya ingin kembali ke pangkuan masyarakat, ingin menjadi manusia biasa semula, tetapi tidak tahu jalan. Setengahnya yang telah ditangkap atau telah menyerah diri tidak dapat pula penampungan yang sewajar kerana pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak dapat menyediakan penampungan yang wajar sebab kurang al-fulus, kurang wang. Jadi, ada juga rumah-rumah yang disediakan ataupun penempatan-penempatan khas yang disediakan oleh pihak Kementerian ini untuk gadis, wanita berkenaan, tetapi yang dapat peluang hanya dua tiga ratus orang, tetapi yang terlibat dua, tiga ribu orang. Eloklah penampungan atau penempatan latihan ini diluaskan lagi. Hendak ke manakah mereka ini, sebab mereka masih muda.

Kebanyakan mereka yang malang ini berumur di antara 14 hingga

ke 38 tahun dan kebanyakan mereka ini tidak tahu ke mana hendak dihalakan nasibnya setelah mereka berjaya mengeluarkan diri sama ada dengan ditangkap atau lari daripada sindiket-sindiket atau pengaruh-pengaruh cengkaman-cengkaman dadah kumpulan dan juga kasanova yang saya sebutkan tadi. Mereka menjadi bahan permainan dan tontonan-tontonan. Mereka menjadi bahan-bahan hiburan. Kalau di zaman Jahiliah kita mendengar cerita-cerita wanita dijadikan bahan hiburan, bahan permainan, maka di tahun 1986, di zaman sains dan teknologi, di zaman agama Islam, syiarnya mengembang begitu hebat, terdapat lagi cerita-cerita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini amat berat tanggungjawabnya. Saya syorkan kalau diberi lebih peruntukan kepadanya tidak mengapa kerana bukan wanita sahaja, masalah-masalah orang cacat dan juga masalah-masalah lain yang berkaitan dengan masalah mangsa masalah pembangunan sosial atau masalah sosial terpaksa ditampung oleh Kementerian ini. Mereka ini patutlah diberikan latihan yang wajar seperti yang telah ada dan dikembangkan lagi. Satu latihan yang wajar saya ingin mencadangkan ialah menjadi pembantu rumah kerana kita tahu, pembantu rumah sekarang ini sangat sukar hendak dicari ataupun tidak banyak yang sudah terlatih. Kalau mereka ini dilatih dan dirahsiakan latarnya dan kemudian diberikan pula injeksion kerohanian ataupun pendidikan-pendidikan rohaniah, saya nescaya mereka akan jadi manusia yang sempurna dan wanita yang sempurna dan boleh bekerja mencari nafkah sendiri tanpa lagi mengulangi kerja-kerja yang hina yang pernah dilakukan. Tuan Yang di-Pertua, semoga Kementerian Kebajikan Masyarakat akan mengambil perhatian berat atas apa yang diperkatakan.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir, saya mengharapkan semua Kementerian-kementerian yang mendapat peruntukan-peruntukan ini akan membelanjakan peruntukan masing-masing dengan bijaksana, dengan sederhana dan tidak membazir dan hendaklah diselaraskan dengan harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri juga dengan harapan-harapan serta doa permintaan daripada rakyat jelata negara ini sendiri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Yang Berhormat hendak berucap? Dipersilakan Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

5.28 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan ini beberapa faktor tentulah telah dikaji dengan teliti sewaktu hendak mengadakan belanja tahunan bagi setiap Kementerian dan setiap Jabatan dalam negara kita. Penelitian mengadakan peruntukan tiap-tiap tahun ini memang berjalan setiap tahun daripada setahun ke setahun dan kita merasa bangga bahawa di dalam zaman kemelesetan ekonomi seluruh dunia yang mana kita Malaysia juga terlibat sama dalam kemelesetan ini kita masih dapat meneruskan belanja mengurus kita dan belanja pembangunan kita sungguhpun ada yang dipotong dengan banyak dan ada yang dipotong sedikit.

Kita mengharapkan bahawa kelembapan ekonomi yang disebutkan oleh mereka yang faham di dalam keadaan ekonomi ini, akan dapat mencari jalan untuk menolong negara menolong Kerajaan mempercepatkan supaya kita tidak terus dilanda kelembapan, dengan kejatuhan harga barangan utama negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, orang ramai terutama sekali daripada jumlah 15-16 juta rakyat kita barangkali 95%nya tidak faham mengenai dengan Belanjawan Negara, Apabila Yang Berhormat Mentert Kewangan membentangkan Belanjawan 1987 di Dewan Rakyat pada bulan Oktober yang lalu disiarkan melalut TV secara terus-menerus, orang ramai merasa bangga apabila disebutkan bahawa pencen yang kedua, yang ketiga dan sebagainya akan dipotong 100%. Orang ramai serta orang kampung pun kata bagus, dan apabila dikatakan cukai/duti rokok dinaikkan sehingga 15% mereka pun kata bagus, padan dengan muka-muka orang yang kuat menghisap rokok. Tetapi apabila dikatakan pula peruntukan untuk Belanja Pembangunan dikurangkan, mereka kata "Ah! celaka kita, tidak siaplah jalan kita, tidaksiaplah sekolah kita, tidak jadi masuklah bekalan api ke kampung kita".

Tuan Yang di-Pertua, kerana kebetulan dalam tahun 1986 kita mengadakan pilihanraya dan di dalam kempen pilihanraya, Kerajaan, parti Kerajaan, penyokong-penyokong Kerajaan memberi jaminan kepada rakyat, "Sekalipun zaman kemelesetan, kalau kami menang, kami akan meneruskan projek pembangunan". Ini janji yang dibuat di dalam pilihanraya dan hasil dari keyakinan rakyat, hasil dari keyakinan orang ramai terutama yang di luar bandar - saya tidak mahu bercakap yang di dalam bandar kerana dalam bandar 24 buah kerusi kita 'out' -

yang di luar bandar berkeyakinan kepada Kerajaan. Sungguhpun zaman meleset rakyat tetap memberi sokongan kepada Kerajaan kerana yakin dengan hujah-hujah yang dibawa oleh Kerajaan, oleh penyokong-penyokong Kerajaan, oleh parti Kerajaan, parti Barisan Nasional, oleh petugas-petugasnya dan tak lupa juga media-massa yang memberikan gambaran yang begitu baik, harapan kepada rakyat bahawa sungguhpun dalam zaman meleset, pembangunan akan berjalan terus. Itulah hasil pilihanraya, kita tengok di luar dugaan. Orang kata Kelantan akan hanyut, Kedah akan hanyut, Perlis akan hanyut tetapi hasilnya tidak. Saya tengok Barisan Nasional tetap menguasai Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu malahan di dalam kempen pilihanraya yang begitu hebat sebelumnya lagi, kita gerun melihat bagaimana perasaan parti-parti pembangkang yang cuba menarik minat orang ramai merosakkan imej Kerajaan, mempertidakkan apa sahaja program projek yang Kerajaan buat, serau tidak betul, semua salah.

Kita gerun menengok ribuan rakyat mendengar bahawa apa yang dibuat oleh Kerajaan semua salah, semua tidak betul, semua merugikan. Tetapi rakyat yakin, rakyat percaya, rakyat masih mempunyai kepercayaan kepada pemimpin-pemimpin yang ada sekarang ini, terutama Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan dengan keyakinan yang diberikan **itu**, Kerajaan kita dapat meneruskan. Sebab itu saya percaya bahawa harapan daripada pengundi-pengundi di luar bandar khasnya harapan daripada pengundi-pengundi yang jauh di pedalaman, sepatutnya kita titikberatkan di dalam Belanjawan tahun 1987 ini. Ini harapan mereka supaya perubahan demi perubahan dapat dikecap dan dapat dirasai daripada satu masa ke satu masa, daripada satu tahun ke satu tahun dan harapan daripada pemimpin-pemimpin dan juga pegawai-pegawai Kerajaan sewaktu

bercakap kepada orang kampung di merata-rata kursus sivik dan sebagainya bahawa yang memberi sokongan kuat kepada Kerajaan ialah orang-orang di kawasan kampung. Jadi ini harapan orang kampung.

Sekarang saya bawa harapan orang kampung ini, kerana saya tidak duduk di bandar, tetapi saya duduk di kampung, Saya bawa harapan orang kampung, saya cuba dedahkan harapan pengundi-pengundi, penyokong-penyokong Kerajaan yang duduk di kampung-kampung yang berjumlah lebih kurang 12,000 di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Jangan Tuan Yang di-Pertua, fikir saya tidak biasa pergi ke Sabah dan Sarawak. Saya tahu ilmu alam Sabah dan Sarawak, saya tahu keadaan rumah panjang, tetapi saya tidak 'Ngayap', orang Sarawak pun sudah pupuskan adat 'Ngayap'.

Saya tahu keadaan kaum-kaum Dusun, kaum Bisayah, kaum Murut, kaum Sungai, kaum Bidayoh, mereka menerima konsep Malaysia ini dan sebab itu mereka yakin bahawa tinggal di dalam Malaysia dengan pemimpin yang ada sekarang ini, mereka akan merasai perubahan-perubahan hidup. Apa lagi kalau di Semenanjung daripada Tanjong Serat sampai Padang Besar - saya tidak pergi ke seberang Danau, sampai Padang Besar sampai Bukit Kayu Hitam sahaja - sampai Bukit Kayu Hitam saya tengok projek kedai yang dibuat untuk pelancong kita, tetapi ada beberapa puluh pintu kedai di Bukit Kayu Hitam itu lengang macam pusara.

Dalam soal jawab, kita tanya, kenapa tidak diadakan kawasan bebas sempadan di antara utara dengan Thailand. Sudah cuba dibuat, tetapi projek itu nampaknya lenggang di Bukit Kayu Hitam. Saya setakat sampai di situ, saya tidak pergi ke Danau dan saya sampai di Rantau Panjang, Saya tidak pergi ke Golok, sampai tepi sungai saya

tengok sahaja macam mana keadaan seberang. Kalau pergi ke Sarawak, saya sampai Lundu pun tidak sampai seberang, saya pergi ke pekan Lundu sahaja. Saya tengok keadaan. Sampai Tawau, saya tengok sahaja pulau di seberang, Pulau Sebatik, bagaimana keadaan 12,000 kampung ini - kalau dimasukkan rumah panjang, kalau setiap rumah panjang dikira sebagai satu kampung lebih lagi, ianya akan menjadi lebih lagi.

Sekarang kita sampaikan hasrat mereka ini untuk pihak Kerajaan mengambil perhatian seberat-beratnya, untuk Kerajaan mengambil tindakan sebaik-baiknya, untuk Kerajaan mengambil tindakan seadil-adilnya, kepada mereka yang memberi sokongan kepada Kerajaan dalam pilihanraya.

Saya tidak akan lari di dalam perbincangan ini daripada pilihanraya, Kerajaan dan rakyat, kerana Kerajaan kita wujud dari pilihanraya, dan tujuan diadakan Kerajaan iaitu untuk memberi manfaat kepada rakyat mencari jalan.

Tadi sewaktu Yang Berhormat Menteri membentangkan Belanjawan 1987, kalau tidak salah saya, beliau menyebutkan bahawa perbelanjaan ialah lebih daripada pendapatan. Ertinya kita boroslah. Dalam bahasa kampungnya kalau lebih belanja dari pendapatan maknanya boroslah itu. Jadi kalau boleh kita sekat. Kalau boros ini satu kali, diingatkan jangan boros, kalau kali yang kedua boros ini diberi amaran, kalau kali yang ketiga boros juga lagi mahu membazir:

Membazir itu, Firman Allah: *Innal mubazzirina-kanu ikhwanus syayatin*. Walau siapapun ayat ini, kena semua, jangan kita berserah di kampung sahaja, menyeru jangan membazir. Kita pun membazir juga. Kita kurang pendapatan, lebih belanja, terpaksa kita berhutang.

Apabila kita berhutang, jumlah hutang negara sudah \$73 billion - hutang negara kita. Ini bukan sedikit punya hal, bukan senang punya perkara. \$73 billion hutang dalam dan luar negeri. Tetapi Kerajaan kita berkata, kita masih mampu berhutang kerana ada orang hendak bagi hutang.

Ha! itulah psikologi orang Malaysia, selagi ada orang hendak bagi hutang, kita berhutang, terutama kerana kebanyakan pemimpin itu daripada bangsa kaum saya sendiri. Selagi ada orang bagi peluang hutang, kita berhutang.

Kita cakap di kampung, jangan hutang, beli sahaja barang yang mampu, jangan belanja di luar negeri, barang mahal. Beli sahaja yang dalam negeri tak usah pakai kerusi kayu jati, pakai kerusi bambu tetapi Kerajaan juga berhutang. Jawapannya, selagi ada negara yang mahu bagi hutang, kita berhutang kerana berhutang itu untuk pembangunan negara, hutang itu untuk manfaat rakyat dan jawapan ini pun rakyat terima. Jawapannya, hutanglah selagi boleh hutang, rakyat pun terima.

Orang kampung kata, gasaklah, yang berhutang itu Kerajaan, yang bayar pula Kerajaan. Padahal pusingan bayaran hutang itu akan sampai kepada rakyat yang terpaksa ikut sama-sama turut membayarnya. Sebab benda ini kita tak sampaikan, kita tidak jelaskan kepada

orang ramai, siapa yang turut membayar sama hutang itu, Di mana satu hari nanti kita takut kalau kita banyak hutang nanti kita akan terperangkap. Apa kata kalau sudah banyak hutang besok nanti Israel tolong hendak bayar tetapi kita kena sokong dasar Israel, apa kata? Jadi itu kena kita fikir juga, kita tahu sekarang ekonomi dunia ini Yahudi yang pegang. Jadi apabila banyak hutang nanti, Yahudi kata kalau tak boleh bayar, baiklah, bank Yahudi dunia itu boleh tolong bayar. Semua dibayarkan, tetapi jangan bising sangat wakil Malaysia tentang OIC, dalam conference negara-negara Islam itu Malaysia jangan bising. Itu kita kena fikirkan juga.

Tetapi saya percaya pemimpin-pemimpin kita sudah fikirkan hal itu. Sebab pemikiran pemimpin kita tak macam pemikiran saya, mereka sudah fikirkan itu. Taraf saya ini fikiran orang kampung, cara orang kampung fikir macam ini, takut nanti banyak hutang, ada orang tolong bayar. Itu seperti kata budak-budak sekarang, kalau selalu hendak budi nanti tergadai body. Itu kata budak-budak muda menyanyi selalu dapat budi, tergadai body dan negara kita ini selagi ada orang hendak bagi hutang, kita berhutang, besok tergadai negara. Kemerdekaan kita hanyut, keselamatan kita tak terjamin, hasil mahsul kita orang lain menentukan harga. Saya sudah cakapkan kenapa pula getah kita orang lain menentukan harganya. Getah kita punya, minyak kelapa sawit kita punya, tetapi orang lain menentukan harga, Ini menunjukkan kita sudah terkena di situ, kita sudah masuk ke perangkap sedikit-sebanyak, perangkap hutang tadi. Jadi ini patutlah kita berhati-hati supaya di dalam zaman kemelesetan ini terutama sekali.

Saya pernah bercakap, berbincang, berbual-bual dan bertanya dengan pakar ekonomi di pusat pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebodoh-bodoh saya, saya pergi ke beberapa universiti dalam negara kita ini, bercakap dan berbual-bual, raacam mana tentang ekonomi meleset. Harga getah jatuh. Jadi pakar-pakar ekonomi. Kita itu bercakap begini, begini. Saya pun tak tahu apa yang disebut itu, saya main ya, ya sahaja. Jadi akhirnya, saya katakan, kalau begitu, tuan sendiri pun tak boleh ramalkan ekonomi, tuan ahli ekonomi, tetapi tuan tidak boleh ramalkan ekonomi, tuan tak boleh ramalkan harga kelapa sawit kita, naik atau turun harga, kelapa naik atau turun harga, minyak naik atau turun harga. Memanglah ekonomi mana boleh diramalkan, kata mereka. Kalau ekonomi tak boleh diramalkan, maknanya kita tidak boleh ramalkan hidup kita. Apabila kita hendak meramalkan hidup kita, kita sudah terkeluar daripada rukun Iman yang keenam. Itu betullah sebagai orang Islam, saya percaya tuan punya cakap.

Demikian saya berbahas, bercakap-cakap dengan pakar ekonomi di beberapa pusat pengajian tinggi. Jadi seorang Senator kampung pergi ke universiti, bertanya macam mana soal ekonomi meleset ini boleh diselesaikan. Tuan pakar ekonomi, pensyarah ekonomi, dia pun bercakap. Kata dia, dalam Senate pun sudah ada dua orang pensyarah ekonomi. Seorang ialah Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani Othman, sudah pergi ke Dewan Rakyat dan kedua Senator Puan Mazidah Zakaria. Saya katakan, saya harap nanti orang-orang itu akan bercakap dalam masalah ekonomi dalam Dewan saya pula. Saya hendak tumpang mendengar. Jadi supaya dalam Dewan Negara ini supaya tidak Senator kampung ini tukang cakap sahaja. Saya pun susah juga. Jadi yang bercakap itu orang kampung sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jangan pula nanti umum ataupun orang ramai memikirkan inikah taraf Dewan Negara, daripada mula-mula saya sudah sebutkan tadi bahawa saya akan bercakap mengenai dengan hasrat, cita-cita orang kampung, orang kampung, orang desa, orang pendalaman saya tak bercakap sebagai ahli-ahli terkemuka dan cerdik-pandai. Itu lain cara dia hendak menyampaikan, cara orang kampung - inilah.

Orang kampung berkehendakkan supaya apabila dia dengan Belanjawan dibahaskan, Belanjawan diluluskan, besok pagi dia akan lega. Ini sahaja harapan orang kampung. Dia tak tahu macam mana susah kita, sesuatu projek dikeluarkan tender, apabila tender tak betul kata kontraktor buat re-tender, tender semula sampai tiga-empat tahun, orang kampung tak tahu perkara itu.

Orang kampung kata, Belanjawan lulus, jambatan aku mesti siap. Itu sahaja. Saya bawa cerita jambatan Sri Medan pada tahun 1983 dari awal mula saya masuk ke Dewan ini, saya bahawa gambar, saya tunjukkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Jambatan Kampung Sri Medan di Batu Pahat itu yang dibina oleh Jepun pada tahun 1927, sewaktu Jepun hendak mengambil bijih besi di Sri Medan, Batu Pahat sehinggalah Jepun datang balik sekarang ini.

Jepun dahulu datang, Jepun pergi, sekarang Jepun datang balik, sekarang bukannya Jepun datang balik berkongsi dengan kita, bukan datang memerintah, datang berkongsi pula. Dahulu cara Jepun hendak menakluki Malaya ini, Tuan Yang di-Pertua, mereka jual jagung, jual keropok, jual jarum duduk di simpang-simpang jalan, sambil mereka duduk, jarum mereka tak laku pun tak mengapa, keropok, jagung mereka tak laku pun tak mengapa, tetapi rupanya mereka membuat peta. Di sini ada parit, di sini ada sungai, di sini ada pokok rembia, di sini ada pokok pinang.

Tahun 1941 mereka datang - "bageroh", mana itu paip - potong kepala. Mereka tahu semua, 6 tahun dia mengintai negeri kita,

Baru-baru ini Herzog, Presiden Israel datang ke Singapura. Itu saya percaya agennya sudah tahu, agennya sudah tahu, sudah ada di dalam negara kita sudah buat peta dan sebagainya. Kalau satu biji peluru diledakkan di pertengahan laut boleh sampai ke Kuantan, boleh sampai ke Kuala Lumpur, boleh sampai ke Pelabuhan Kelang. Tiga bandar itu, hangus sekali. Dia sudah buat, ini strategi dunia, Mafia dunia, buat macam ini, semua negara dunia ini ada badan perisik, macam itu. Sebab itu barangkali Akta Rahsia dibentangkan di dalam Parlimen ini supaya jangan sampai ke atas pertahanan keluar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ceritakan masalah Jepun tadi. Jadi jambatan yang dibina itu digunakan oleh beribu-ribu orang hendak menyeberang daripada Kampung Raja Sari, Rengas Mano, Parit Bangas, Parit Sengat, Parit Leman, ada tujuh-lapan kampung, ada lima-enam buah sekolah menyeberang jambatan itu tinggi, lengkung. Fasal di bawah itu dahulu motorbot, tongkang orang membawa bijih besi, lalu bawah jambatan itu. Jambatan itu, Al-hamdulillah, sehingga hari ini masih ada. Saya sudah cakap bila jambatan ini hendak diruntuhkan, gantikan dengan jambatan baru. Jadi sebelum Dewan ini bersidang, saya balik kampung - itu kampung saya, Tuan Yang di-Pertua.

Saya pergi tengok jambatan itu masih ada lagi, piling untuk membuat jambatan baru itu sudah dibuat, selasanya dua batang daripada batu konkrit yang besar sepeluk itu sudah dipacak dua tahun, dipasang piling itu dan dipasang selasa itu, kerana Perdana Menteri hendak pergi ke kampung itu, kerana Perdana Menteri hendak pergi ke kampung itu.

Perdana Menteri pergi melawat kampung itu. Kemudian ditar daripada hujung jambatan itu sampai kepada Sekolah Parit Baru ditar, diturap. Boleh pula diturap, selama ini tidak boleh. Macam mana lori hendak naik jambatan tinggi, macam mana kontrektor hendak bawa tar, macam mana hendak bancuh, jambatan ini tidak boleh lalu lagi, tunggu besok jambatan siap. Orang-orang kampung, orang Jawa Ponorogo, yo-yo kono, korapmu, bertanya. Tetapi apabila Perdana Menteri hendak pergi sana, Yang Berhormat Anwar Ibrahim hendak pergi sana, boleh ditar, itu yang saya hairan. Yang Berhormat Menteri Pelajaran berucap, 6 bulan selepas ini kampung tuan-tuan akan mengalami perubahan yang paling hebat. Tidak ada apa-apa pun. Sudah dua tahun. Ini hasrat rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kampung ini apabila banjir di Kelantan dan Terengganu sudah selesai, maknanya sudah kering di Kelantan dan di Terengganu, Sri Medan itu akan banjir. Sri Medan itu banjirnya bulan Januari hingga bulan April. 4 bulan dia punya banjir. Kalau ada di dalam Dewan ini orang Batu Pahat, tahulah apabila kena banjir hingga kulit-kulit pokok getah itu mengelopak, ubi keladi, pisang tidak usah cakap, memang habis. Kerana Sungai Batu Pahat yang dahulunya dalam sekarang sudah tohor.

Dalam nyanyian Melayu Asli "Sayang Sarawak Sungainya Sempit", ini "Sayang Sungai Batu Pahat Makin lama Makin Tohor", itulah dia. Air tidak mengalir kerana kampung ini dikelilingi oleh bukit-bukit, termasuklah Bukit Payong, tempat orang Kampuchea, Mohd. Nasir (Imam Mahdi) yang menyerang Balai Polis Batu Pahat dahulu. Air daripada bukit-bukit terkumpul di kampung itu hingga 4 bulan tidak kering lagi. Setelah banjir di Negeri Kelantan dan Terengganu kering, di sana baru banjir. Orang kampung tanya: "kenapa jambatan yang hendak

dibuat, tidak mahal cuma \$2 juta, saya dengar". Menteri Besar Johor Tan Sri Osman Saat, pada masa itu meluluskan peruntukan \$400,000. Sudah boleh buat patutnya, tetapi apabila harga bahan-bahan naik, terbantut, re-tender.

Jadi, Wakil Rakyat di sana Yang Berhormat Puan Shariffah Dorah datanglah ke kampung saya, jambatan tuan-tuan ini kena re-tender. Oh! re-tender, "opo hiyoh re-tender"? Tender semula - "Oh tender semula". Jadi, tender semula, berapa lama Yang Berhormat? Sekurang-kurangnya 2 tahun. 2 tahun? Oh! 2 tahun. Kena pakai jambatan lama. Jadi, saya hendak tanya, mengapa salah satu daripada projek yang diperlukan oleh rakyat begitu lewat, jambatan Pulau Pinang cepat dibuatnya, sampai tidak ada orang yang lalu. Itu saya bandingkan, Jambatan kampung saya dengan jambatan Pulau Pinang. Sana \$800,000,000, ini cuma \$2 juta. Sepatutnya yang \$2 juta itu boleh siap dalam tempoh 2 tahun, sebab sekarang semua barang sudah siap, tidak payah hendak dibancuh-bancuh simen lagi, pasang piling, taruh selasah, taruh kayu balak, bubuh lantai, semua benda pasang siap. Rumah pasang siap, boleh buat satu rumah dalam tempoh 3 hari, hendak dijual dengan harga \$96,000, tidak laku iaitu di Banting. Ini di kampung saya juga, kerana kampung saya ini banyak.

Di Banting \$96,000 projek HICOM, pasang siap, rumah 2 tingkat, \$96,000 tidak laku. Orang tanya saya, kenapa Yang Berhormat, rumah mahal sangat. "Tidak usah masuklah. Bila awak tLdak masuk 5 tahun, Kerajaan turunkan harga". "Oh! tidak boleh, kami ingin hendak duduk rumah pasang siap". "Hendak masuk, masuklah, harganya \$96,000". Apabila tukar Menteri Besar baru, turunkan \$6,000. "Kami yang lama apa macam, kenapa ikut harga lama? "Engkau punya sukalah, engkau ikut harga lama, dulu aku sudah cakap, suruh tunggu 5 tahun, sebab kita hendak main politik di situ, sebab kalau tidak laku, rumput naik, turun harga, tetapt orang tidak sabar".

Orang kita ini pun "act" juga, apabila dapat saja pinjaman, dia punya faedah itu 4% - 6%, itu jam lulus pinjaman, itu jam hendak masuk. Patut kita main politik sedikit. Macam kita punya rumah tidak laku, biarkan dia turunkan harga, sabarlah sedikit. Tetapi bila rumah itu harga murah, kita naikkan sedikit faedahnya jadi 6%, janganlah marah. 2% daripada pinjaman itu bukannya mahal sangat, kalau pinjam dengan bank kena 14%, jadi Kerajaan minta sedikit 2% daripada pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan ini, itulah tujuannya pun.

Orang kampung tidak terlibat dengan pinjaman ini. Orang kampung minta RPK itu dipulihkan, Rancangan Pemulihan Kampung. Ini kerja Kerajaan dapat pinjaman berpuluh-puluh ribu, orang kampung hendak minta bantuan free tidak dapat-dapat. Ini RPK, Rancangan Pembangunan Bandar. Saya dengar hendak dipulihkan semula Rancangan Pemulihan Kampung ini, ini bagus, ini harapan orang kampung, sebab kalau kita pergi ke kampung-kampung, ke hulu-hulu, dekat Padang Tengku, dekat Merapuh sana, sepanjang-panjang sungai Pahang kita tengok betapa punya daifnya rumah. Rancangan Pemulihan Kampung ini boleh menolong dengan tenaga kerja gotong royong. Kalau hendak cepat kita buat jalan simen, jalan itu dinamakan jalan 1000 tahun.

Tadi Menteri Kerjaraya kata jalan itu hanya boleh tahan 40 tahun. Ini saya pun pening. Sana beri nama jalan 1000 tahun, Menteri Kerjaraya kata jalan itu boleh tahan hanya 40 tahun. Ini Jawapan Yang Berhormat Dato Samy Vellu akan keluar di TV malam ini, di Laporan Parlimen, akan keluar di suratkhbar besok. Jalan 1000 tahun terbentang di Olak Lampit, Kuala Langat. Jawapan hari ini akan keluar, jalan simen itu hanya akan tahan 40 tahun, itupun kalau ditempat tanahnya kejang, tanahnya kuat. Nanti orang kampung akan

cakap: "Betul-betul Kerajaan ini menipu siang-siang", "tahan 40 tahun tetapi kata 1000 tahun". Jadi, diharap ini dibetulkanlah oleh Kementerian yang membuat papan kenyataan sign board ini. Kalau projek itu projek Kerjaraya, yang membuat papan kenyataan itupun Jabatan Kerjaraya jugalah, Bahagian yang membuat papan nama, sebab di situ ada Juruteknik khas yang buat papan "sign board" sahaja.

Kemudian saya dengar pula berita semalam daripada radio, keputusan Dewan Udangan Negeri Johor, Kerajaan akan memperhebatkan jalan-jalan simen yang dibuat secara gotong-royong. Tadi kita dengar Yang Berhormat Menteri Kerjaraya juga bercakap beberapa bahagian daripada lebuh raya kita juga akan dibuat daripada simen kerana simen tidak laku. Tadi alasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya kerana beberapa kilang simen mengeluh kerana pasaran simen kurang laku, jadi kita gunakan bahan tempatan. Simen kita buat jalan untuk kampung-kampung dan lebuh raya.

Dahulu apabila kita tidak ada simen, simen naik melambung, pemborong-pemborong hendak buat kerja, simen tidak ada, kita pun bangkit dalam Dewan ini kenapa Kerajaan tidak tubuhkan kilang simen. Kilang simen kita ada 6, cukup, tetapi pemborong boleh beli simen daripada Singapura, harganya lebih murah, daripada beli simen di Kuala Lumpur dan di Ipoh. Menteri pun jawab dong, dong, dong, dong, kita pun puas hati dan orang kampung pun faham. Sekarang banyak projek, simen tidak cukup, naik harga, sekarang projek tidak ada, simen turun harga. Jadilah "Bangau oh bangau", "Kenapa simen tidak timbul, bagaimana aku hendak timbul, orang tidak pakai". "Oh, orang, kenapa kau tidak pakai simen, macam mana aku hendak pakai, kerja tidak ada".

Antara pemborong-pemborong dengan simen dengan pembeli, sehingga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, mengisytiharkan harga simen itu turun \$3.00, tetapi kalau kita pergi ke kampung, harga simen tidak turun. Orang kampung yang hendak buat alas tiang, hendak buat tangga, hendak menampal tangganya, hendak buat jamban curah, tetapi harga simen masih macam harga lama. "Kenapa, ya, kok simen tidak turun, katanya turun? Ini kata orang kampung. Ini bahagian Penguatkuasa dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tolong check masalah simen. Orang kampung menjadi mangsa, tolong periksa, kedai-kedai yang menjual simen, peruncit-peruncit simen, dia menanggung keuntungan. Kalau \$3.00 satu kampil, berapa banyak dia boleh tanggung keuntungan? Orang kampung hendak membaiki rumah serba sedikit untuk membuat pelantar, depan hendak elok, tangga tengah hendak elok, belakang hendak elok, beli simen 2 kampil tetapi harga masih \$10.80. Kata sudah turunkan \$3.00, patut \$7.80, tetapi tidak ada harga itu. Ini hasrat orang kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak cakap kalau pemborong bumiputera yang hendak gunakan simen sampai bertreler-treler, pemborong bumiputera pula kalau hendak gunakan simen sampai dua tiga treler, kerana dia dapat projek perumahan rumah kos rendah 200 unit, misalnya, banyak gunakan simen. Itupun dia terganggu, tersekat-sekat pembelian simen itu. Simen habislah, simen tidak cukuplah, ini simen semua Kerajaan pakai, mahu buat jalan simen - alasan yang dibuat-buat.

Jadi dalam Belanjawan yang kita bahaskan yang angkanya beribu-ribu juta ringgit ini sebenarnya orang kampung memahami bila dia boleh berubah, perubahan sebanyak-sedikit. Yang pertama sekali orang kampung ini hendak sangat: jalan mahu cepat, bekalan air mahu ada, malam hendak terang - hendak lampu, hendak bekalan elektrik, dia hendak tengok colour TV. Kalau orang sebelah selatan, orang sebelah Simpang Renggam, orang di Ulu Benut, Permatang Sepam, orang di FELDA Gugusan -Taib Andak, dia hendak tengok rancangan TV 3. Itulah tiga sekawan - jalan, api, air.

Masalah sekolah tak timbul, sebab boleh dikatakan kebanyakan sekolah-sekolah rendah di kampung-kampung sekarang sudah sekolah baru, sehingga ada yang kosong. Tanjong Semerong di Batu Pahat, kosong sekolah. Sekolah dua tingkat yang boleh berisi 400, boleh tinggal 60 orang, gurunya 9. Kerana apa, orang kampung di situ semua dapat masuk pergi PELDA, tinggal yang tua-tua jaga cucu, itulah 63 orang [**Ketawa**]. Darjah Satu ada 6 orang, Darjah Dua ada 3 orang, Darjah Empat ada 2 orang, Guru Besar dengan Guru Penolong ada 9 orang, murid 63, ini sekolah Tanjong Semerong, ini tempat saya mengajar dahulu.

Saya mengajar di situ tahun 1953 dahulu. Dahulu ramai 400 lebih murid, Guru Besarnya pun masih kawan saya juga. Jadi macam mana sekolah batu dua tingkat tinggal kosong? Bukan satu, ini kalau saya hendak sebut banyak kampung yang mengalami nasibnya semacam **ini**. Di Mukim Dua Bagan, Sekolah Seri Beringin, sekolah batu dua tingkat kosong, tak pakai apa-apa. Saya dapat tahu kata digunakan untuk budak-budak pengakap. Sekolah dua tingkat yang menelan belanja beratus ribu yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Musa, pada masa itu Timbalan Perdana Menteri.

Saya ada bertanya dalam Dewan ini, apa Kerajaan hendak buat dengan sekolah yang ditinggal kosong itu, tetapi tak ada nampak masuk dalam Soal-Jawab, jadi tak adalah jawapan yang saya dapat. Adakah Kerajaan bercadang untuk menyerahkan bangunan sekolah yang kosong itu kepada agensi Kerajaan yang lain, LPPkah, RISDAkah, jangan jadi tinggal kosong sebab saya tengok ada satu bangunan di Pontian sana yang dibuat semasa Allahyarham Tun Sardon menjadi wakil, satu projek kilang yang besar, hari ini tinggal menjadi gajah putih, membazir sahaja. Patut itu boleh diambil, boleh digunakan. Bangunan itu boleh dibaiki sedikit, digunakan jadi tempat pemulihan dadah pun bagus. Paling tidak, jadikan sebahagian daripada Jabatan Kerajaan yang ada di Pontian itu yang sesak. Sekarang ada Jabatan Kerajaan yang sesak beli kontena yang sudah tak pakai itu diletakkan depan pejabat, dibubuhnya tingkap, bubuhkan dalamnya air-con, jadi pejabat, sudah ada. Pejabat Kerajaan dibubuh di dalam kontena. Pergi ke Telok Datok, Pejabat Tanah Telok Datok, Kuala Langat dalam kontena, betul-betul macam peti mati **[Ketawa]**.

Saya bertanya dengan kerani, awak tak panaskah? Apa hendak buat ustaz, panas juga, tetapi pukul 4.15 itu sejuklah. Jadi apabila dia panas, dia lebih banyak masa di luar pejabat daripada dalam pejabat. Hendak salahkan siapa, sedangkan ada bangunan kosong di Kuala Langat itu yang tak guna, tersergam. Bekas Balai Polis Daerah Kuala Langat, tersergam jadi gajah putih. Bangunan lama berek itu masih boleh dipakai lagi. Kalau setakat jalan simen 40 tahun, saya pun boleh kata bangunan itu 40 tahun masih boleh dipakai, hari ini dinaiki oleh rumput, tinggal percuma begitu sahaja. Ini tolong tengoklah benda-benda yang semacam ini, Jangan tinggal sia-sia, tinggal percuma kerana itu duit negara. Duit negara - duit rakyat.

Yang tak sedapnya orang kampung tengok, rakyat kampung tengok, Kerajaan betul-betul bodoh, rumah macam itu baik-baik, tinggal kosong. Kalau dibuka, bawa ke kampung, buat tambahan surau, tambahan masjid bukannya boleh. Jawabnya, tak boleh, itu hak Kerajaan. Tak boleh pula hak Kerajaan, tetapi dibiarkan sia-sia itu buat apa? Di Sepang, apabila Pejabat Daerah Sepang pindah ke Bandar Baru Shah Alam, ada satu, dua bangunan lagi yang kosong, sedangkan bangunan itu masih boleh tahan 40 tahun, tinggal kosong. Begitu juga saya pergi ke daerah-daerah lain saya jumpa macam itu.

Jadi ini semua sekali di dalam Belanjawan ini kita kena tengok daripada kita membuat satu bangunan baru, ada bangunan lama yang boleh kita gunakan, kita perbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya belum hendak masuk kepada setiap Jabatan/Kementerian ini, saya masih cakap hal itu dahulu sebab orang kampung pun kalau bercakap B.1, B.2 sampai B.40 itupun tak faham juga. Jadi biar saya cakap macam ini supaya kita dapat menanamkan betul-betul kesedaran bahawa belanja duit kita ini satu sen akan ditanya, satu sen yang kita belanjakan akan ditanya, satu sen yang kita keluarkan ini akan ditanya dan kita kena jawab dengan tepat. Kalau disoal atau ditanya oleh juru audit yang datang ke setiap Jabatan tiap-tiap tahun kita boleh jawab, tetapi kalau ditanya oleh juru audit yang ada di kanan-kiri kita, ini dua Malaikat yang menjaga ini, dia akan mengaudit kita.

Di dalam Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan juga menimbulkan masalah kerja lebih masa. Ini cuba kita renungkan baik-baik, kita fikirkan baik-baik. Saya dahulu pun kerja dengan Kerajaan, lebih 20 tahun, ada juga kerja lebih masa **ini**, tetapi kerja lebih masa yang saya buat itu memang perlu kerana saya kerja sampai malam, itupun kadang-kadang disekat. Dahulu kerja lebih masa dapat \$40 pun sudah bagus, sebulan dapat 'overtime' lebih masa \$40

baguslah. Hari ini lebih rnsa kalau \$40 tak ada makna apa-apa sebab hendak bayar ansuran rumah murah pun paling tidak \$120. Jadi hendak cari duit lebih masa itu sekurang-kurangnya boleh bayar ansuran rumah murah. **Ini** jadi masalah kepada kita. Jadi cuba Kerajaan betul-betul mengawal kerja-kerja lebih masa ini.

Yang sebenarnya apabila kita sudah lepas pilihanraya, kemudian dalam keadaan meleset macam ini pembangunan pun tidak sepesat dahulu, tentulah kerja lebih masa ini kurang. Jadi apabila kerja lebih masa ini kurang, kita berharap kepada anggota-anggota Kerajaan yang terlibat supaya bersabar. Saya simpati bagaimana dengan buruh-buruh kasar Kerajaan yang menanggung keluarga yang banyak dengan pendapatan sebagai buruh kasar bahawa kerja lebih masa itulah yang diharapkan untuk menampung sebanyak sedikit penambahannya. Kita simpati, kita sedar, tetapi kita dukacita kerana kadang-kadang kerja lebih masa ini tidak digunakan dengan sebaik-baiknya. Ini yang kita sedih, sebab kita nampak dengan mata kepala kita, saya nampak dengan mata kepala saya sendiri.

Saya contohkan satu, kalau Majlis Daerah Kuala Langat dahulu peruntukan kerja lebih masanya sampai \$100,000 setahun, sedangkan geran yang dapat daripada Kerajaan Negeri \$150,000, jadi hendak bayar gaji, hendak bayar kerja lebih masa tak cukup. Kerja lebih masa dibuat macam kerja gotong-royong 40-50 orang sekali dikerah mencuci longkang sepanjang 100 kaki 3 jam, Kiralah 100 kaki longkang, kerja 30 orang 3 jam, tak siap, memang kerja lebih masa betul. Ini satu contoh. Kemudian satu contoh kerja lebih masa, keluar daripada pejabat pukul 11.00 pagi kerana hendak bekerja di luar pejabat mencari seseorang, menghantar surat seseorang atau membuat ukur, macam-macam lah kerja lebih masa di luar **ini**, macam-macam hal, sepatutnya dia boleh balik sebelum pukul 4.00, tetapi dia balik pukul 7.00, pukul 6.00 kerana ada lebih masa.

Kalau dahulu sebelum kampung-kampung ini seperti keadaan sekarang, dahulu orang kerja lebih masa, kebanyakan orang yang kerja luar ini naik motosikal Triump, BSA tetapi hari ini orang kerja lebih masa pun boleh pakai Proton Saga - cepat. Dahulu penghantar notis dengan basikal, sekarang penghantar notis boleh pakai Proton Saga. Ini di daerah-daerah kerana cepat. Jadi, tidak sepatutnya ada lebih masa yang begitu banyak. Ini kita menyeru, kita mengharap, kita meminta supaya kita sama-sama berhati-hati supaya satu sen yang kita gunakan itu halalan toyiba. Halal dan baik. Benda yang halal, benda yang baik, dimakan berkat, dibelikan baju tahan lama, dibuat tambah rumah tak runtuh kena ribut, dibelikan kasut tak kopak, dibelikan tayar kereta tak cepat botak. Percayalah cakap saya. Tetapi kalau lebih masa main tulis, main tenyeh sahaja, ini sekian, sekian, yang tak boleh claim di luar 20 kilometer pun claim dan tenyeh juga buat makan perut sakit, itulah kena gastrik, kena lemah jantung, darah tinggi, kencing manis sebab tidak halalan dan tidak toyiba. Kalau yang memang halalan toyiba, insya-Allah. Sebab itu, kita tengok pak-pak tani. Mana ada pak-pak tani ada yang lemah jantung, kencing manis, darah tinggi sebab yang dimakan halalan toyiba. Kacang boncis, kacang botol halalan, ditanam di tepi-tepi rumah sebab kita yang menggalakkan mereka menanamnya untuk cukup makan maka mereka pun tanam.

Ternak ikan air tawar, mereka pun ternak ikan air tawar. Kita sambil keluar cari kerja lebih masa, berjumpa kolam ikan air tawar: Bantuan awak ini susah hendak lulus sebab ada lalang di hujung itu. Dapat ikan air tawar dua ekor. Tak mengapalah, minggu depan boleh datang ke pejabat. Itulah misalannya. Ini berlaku. Jadi, dua ekor

ikan air tawar yang dibawa halik tadi halal tetapi tidak toyiba. Halal tetapi tidak bagus. Allah berfirman dalam Al-Quran, setiap rezeki itu halalan toyiba. Ikan tadi halal tetapi tidak toyiba, tidak bagus. Jadi, apabila dipanggang dan dimakan tulangnya melekat, tersekat dekat kerongkong. Kalau setakat itu tak mengapa, tetapi kalau setakat tulang yang melekat di kerongkong tadi datang-nya dari Bukit Aman, maka tidakkah tersekat dekat celah jari-jari besi? Terlibat dengan menyalahgunakan belanja lebih masa, curi duit Kerajaan, tuntutan batu tak butul dan sebagainya, ini patut kita perhatikan.

Ada satu Jabatan Kerajaan yang memang kerja sampai malam iaitu mereka yang bekerja di Jabatan Penerangan, seperti pegawai luar, pembantu luar yang bekerja sampal malam hingga pukul 12.00, pukul 1.00 malam baru balik. Ini patut dibayar lebih masanya dengan cukup supaya orang ini bekerja kuat betul-betul, jangan disekat-sekat tetapi hendaklah ditambah lagi.

Di dalam Perbekalan Tambahan itu peruntukan ada \$5 juta. Saya akan sambung esok atau lusa, Tuan Yang di-Pertua, untuk Perbekalan Tambahan \$5 juta lebih kepada Jabatan Penerangan oleh kerana pilihanraya. Orang-orang yang bekerja dekat Pentarama jangan semuanya diberi gaji macam buat rakaman sahaja, selepas pentas habis cerita. Sepatutnya orang ini dijadikan kakitangan yang tetap di Kementerian itu.

Sekarang oleh kerana filem-filem Jabatan Penerangan ini sudah tidak sesuai di kampung-kampung kerana filem daripada TV lebih baik, filem Jabatan Penerangan orang tak tengok, cuma budak-budak sahaja itupun budak-budak goyangkan screen semasa main suruh balik. Ini patut diperbaiki. Adakah sistem Jabatan Penerangan ini iaitu sistem

yang 15 tahun dahulu itu disesuaikan dengan keadaan sekarang. Jadi, apa caranya hendak mengelakkan supaya ceramah penerangan yang hendak disampaikan kepada orang ramai itu dapat diterima dengan lebih berkesan. Kalau melalui syarahan wayang gambar itu sudah tak sesuai, potong syarahan tayang gambar itu dan adakan banyak ceramah di balairaya, di TADIKA, di TASKI, di surau, di masjid di bandar-bandar di kelab-kelab, terutama sekali di kawasan bandar-bandar ter-lalu amat perlu kursus-kursus sivik dan ceramah-ceramah ini. Tak usah kita katakan kursus. Kalau orang sekarang ini dijemput menghadiri kursus mereka marah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ada surat datang ke rumah saya: Tuan dijemput menghadiri kursus. "Kepala tok dia, aku sudah macam ini hendak dikursuskan apa lagi, mengada-agada budak-budak ini". Jangan panggil kursus. Tuan dijemput hadir ke Dewan Orang Ramai untuk berbincang masalah yang besar untuk faedah bersama. Fikiran daripada tuan sangat katni utamakan. Dia pun syok baca dan dia pun datang, tetapi kalau dipanggil kursus: "Gila budak-budak ini, aku hendak diajarnya. Aku sudah pencen hendak dipanggil kursus!" Sebab yang lapang masa ini orang pencen. Orang yang tak pencen bekerja, berniaga di Pasar Tani, di Pasar Minggu, di merata-rata negara. Sekarang mana ada orang lapang masa melainkan orang pencen, Tuan Yang di-Pertua. Tengoklah bila ada sivik-sivik dijalankan, yang ramai datang orang perempuan kerana orang perempuan yang banyak masa lapang. Itupun jangan panggil masa dia hendak masak. Kalau masa dia hendak masak, dia sengseng lengan, "Awak ni tak tahu adat betul, adakah panggil orang kursus pukul 2.30 petang, mana boleh datang." Tak boleh datang. Panggil pukul 4.30 pun tak betul. sebab hendak balik sembahyang Asar pula. Cerita-cerita yang seperti ini

melibatkan belanja, belanja hendak pergi dengan minyaknya, dengan lebih masanya tadi.

Kalau dapat kita semua dalam apa Jabatan, dalam apa Kementerian, kita punya Maksud B. ini ada 57, maknanya ada 57 Jabatan-jabatan yang terlibat dengan belanja yang akan digunakan pada tahun 1987 yang dibentangkan tadi, yang ada terlibat dengan kerja lebih masa, dengan kerja-kerja yang perlu diulang balik semula. Kalau dapat semua ini kita bekerja dengan niat yang ikhlas untuk pembangunan negara, manfaat umat supaya hasil yang kita dapat tadi halal dan toyyiba. Itu harapan saya. Semua orang suka seperti itu, suka orang hendak mencari yang halal, yang toyyiba. Maknanya yang bagus, dapat berkat kepada anak isteri kita apabila kita bawa balik ke rumah. Sebab satu masa nanti mungkin Kerajaan akan buat perangkap kepada orang yang suka sangat membuat kerja lebih masa, pendapatan lebih sebab kalau selama ini anggota polis hanya dibenarkan membawa \$10 di dalam poketnya sewaktu beruniform, dahulu semalam saya dengar pula kakitangan JPJ hanya dibolehkan membawa \$20.

Kakitangan JPJ bawa \$20 pun lebih sebab dia tak keluar ke mana-mana kecuali JPJ yang naik motosikal meronda, itu bawa \$20 tak mengapa sebab dia kena makan di luar. Sebab khuatir. Kalau yang bekerja di kampung-kampung tadi dia dapat ikan air tawar, yang di sini pula nanti ada tawar-menawar. Ini yang susah. Jadi, apabila ada berlaku tawar-menawar maka berlakulah macam-macam cerita. Kesudahannya apabila kita riuh-riuh, kita bising-bising, orang surat-khabar pun tulis. Orang pun mengadu dalam ruangan Mimbar Pembaca, begitu, begini, perangkap pun dipasang. Apabila perangkap dipasang, maka dia pun kena. Apabila kena, sabit kesalahannya, nasib anak isteri, ini kita kena hati-hati.

Masalah rasuah ini. jangan kita takut kerana kena tangkap, jangan takut kena buang kerja, fikirkan nasib anak isteri, fikirkan nasib tanggungan masing-masing sebab biasanya pencuri tidak akan kena tangkap dalam kelakuannya kali yang pertama, dia kena tangkap kerana dia sudah buat kerja berulang kali. Kali pertama dia tidak kena tangkap, semua orang belum tahu; kali yang kedua dia buat orang akan intai, kali yang ketiga dia buat lagi, orang akan cukup.

Tuan Yang di-Pertua, itulah saya menyampaikan hasrat rakyat di luar bandar, rakyat di kampung-kampung. Setiap hari kita dengar Wakil-wakil Rakyat, Menteri-menteri, Menteri-menteri Besar bercakap di mana-mana sekarang ini zaman meleset, zaman meleset, zaman lembab, kita mengharapkan supaya ekonomi pulih tetapi tak tahu dalam masa setahun atau dua tahun. Kita baca suratkhobar mengatakan tiga, empat tahun tak tentu pulih lagi.

Apabila orang kampung dengan tiga empat tahun tidak tentu pulih lagi, apa persiapan kita? Maka kita pun bersiaplah bahawa tanah-tanah terbiar itu akan kita usahakan, tanam dengan tanaman yang boleh mendatangkan hasil. Jawapan oleh Menteri dalam Dewan ini mengatakan sekian puluh ribu hektar sudah dipulihkan. Saya kaki jalan. Saya jalan dari utara ke selatan, saya jalan dari pantai timur ke pantai barat. Saya lihat di mana rancangan pemulihan yang berjaya yang boleh memberi keuntungan kepada orang yang membuatnya, melaksanakannya yang berpendapatan, kalau dahulu di bawah taraf kemiskinan \$350, dia sekarang boleh dapat lebih daripada \$350. Kemudian dijawab pula mengenai ternakan ikan air tawar sekian puluh ribu yang sudah dilaksanakan, sekian metrik tan ikan yang sudah diangkat ke luar, sudah dijual.

Saya rajin berjalan, saya lihat. Kalau saya pergi ke daerah Kuala Lipis, saya lihat di Damak, saya lihat di Batu Talam, saya lihat di Benta, saya lihat di sepanjang jalan daripada Kuala Lipis hendak pergi ke Padang Tengku, kemudian saya masuk ke kampung-kampung daripada Benta hendak pergi ke Jerantut, daripada Jerantut keluar pergi ke Maran, daripada Maran saya turun balik pergi ke Simpang pergi ke Manceh, pergi ke Bahau, Air Hitam. Negeri Sembilan saya keluar sampai ke Rembau balik pergi ke Tampin, Tampin saya masuk ke Bukit Rokan kemudian saya turun pergi ke Segamat. Segamat saya masuk ke Jementah, Tangkak keluar ke Parit Bunga, Muar. Saya balik ke bawah terus ke Batu Pahat, Kota Tinggi sampai ke Batu Pahat ke Pontian ke Kota Tinggi. Saya lihat Mersing, Endau, Kampung Lalang lepas itu saya pusing balik pergi ke sebelah Perak sampai ke Kampung Gajah, Teluk Anson, Bota Kanan, Bota Kiri kemudian

keluar dekat Taiping, pergi sampai ke Kulim, sampai ke Baling, sampai ke Keroh sana, jalan sampai ke lebuh raya, sampai Kelantan, hendak melihat tanah terbiar. Bukan saya hendak melihat apa. Saya melihat yang dikatakan 96,000 hektar tanah terbiar yang telah dapat diusahakan, hendak memastikan. Ini bukan satu masa, banyak masa. Panjang masa yang kita lihat. Tetapi saya lihat tempat-tempat ini masih banyak lagi pokok-pokok rembia, lalanganya, purun, tebrau masih banyak. Kalau boleh, Kerajaan atau Kementerian yang berkenaan ini satu hari atau dua hari atau tiga hari bawa kami, tunjukkan mana dia rancangan tanah terbiar yang telah berjaya betul-betul. Jangan di bawa ke tempat yang menjadi contoh. 6 bulan lagi kita hendak bawa Senator-senator melawat tempat ini, tolong toreh baik-baik, buat baik-baik. Kalau macam itu, tidak bolehlah. Hendak datang melawat baru dibaja betul-betul, baru parit dikorek betul-betul. Kita daftar sahaja nama kita pergi secara mengejut, "on-the-spot". Itulah tadi saya berbalik kepada supaya dititikberatkan yang kita keluarkan tadi berjaya.

Lembu tenusu yang dijawab sekian puluh ribu orang yang terlibat. Dia tidak cakap berapa ribu yang sudah berhenti, kenapa berhenti, kerana tiada kemahuan. Kita di atas ini senang bercakap, kerana tiada kemahuan, dia berhenti. Tetapi apa masalah dia, kita tidak tanya. Oh! sudah tanya, sudah beri nasihat, begitu begini, memang sudah tiada kemahuan, susah. Bela lembu susu susah. Apabila bela lembu susu susah, maka hendak berhenti, berhentilah. Lembu yang dibeli dengan harga murah tadi, tidak bayar pun, tidak apalah.

Sebagai bangsa yang sudah merdeka dekat 30 tahun ini, konsep yang semacam itu saya rasa kita kena ubah. Saya bersetuju dengan rancangan Kerajaan apabila siswazah kita ini banyak yang tiada

tempat hendak diletakkan di mana-mana jabatan dan Kementerian supaya siswazah-siswazah terutama daripada UPM balik menjadi siswazah petani, Saya bersetuju. Tetapi tahukah Dewan ini bahawa sekarang ini kalau seorang petani hanya mempunyai 10 hektar lebih kurang 20 ekar ladang kelapa sawit, atau 10 hektar kelapa, atau 10 hektar getah, hendak ke mana dia, dengan keadaan harga semacam ini? Kalau siswazah petani ini, kalau dibawa ke tanah pergunungan yang udaranya sejuk, sesuai dengan tanaman anggur, bagaimana yang saya dengar satu siaran di radio kita, daripada MARDI yang membuat kajiselidik menanam anggur, barangkali itu berjaya.

Seorang siswazah petani diberi tanah sekian hektar untuk menanam anggur. Kalau dia ada honours, dia tidak rugi. Tetapi kalau hendak jadikan siswazah petani ini dengan keadaan pertanian yang ada dalam negara kita, sedangkan peneroka FELDA yang mempunyai 10 ekar itupun dalam keadaan dua tiga bulan yang lalu ini begitu teruk sehingga apabila setiap bulan membuat kira-kira ada baki 20 sen, ada yang tidak berbaki langsung pun ada.

Alhamdulillah, hari ini sudah naik harga kelapa sawit, harga minyak sudah naik sedikit, mereka lega. Tetapi sayangnya buah tiada. Harga kelapa sekarang ini naik, tetapi kelapa tiada buah, ini musim dia melawas. Besok harga getah akan naik tetapi pada masa itu susu tiada kerana daun gugur. Ini bukan perkara baru. Ini perkara tiap-tiap tahun, macam Belanjawan kita juga. Apabila harga kelapa naik, kelapa sedang tiada buah, melawas. Apabila getah naik, harga pada masa itu getah tidak bersusu kerana daun gugur. Ini dia. Lepas hujan ini nanti, kelapa akan subur, buah akan baik, harga akan turun balik. Getah begitu juga, selepas daun gugur, waktu itu getah sedang banyak keluar, harga getah mengikut pasaran

akan turun balik.

Ini pusingan perdagangan biasa. Sama ada daun gugur di tempat kita ini, juga gugur di Eropah. Sebenarnya di Eropah tiad daun gugur. Bila ada musim bunga dan musim salji. Dia tiada daun getah gugur, tetapi kerana getah kita ditentukan oleh pasaran dunia, kita kena ikut cara itu.

Tuan Yang di-Pertua, esok saya baru hendak masuk B.1 sampai B.57. Kita ada beberapa orang lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Beri peluang juga kepada yang lain yang hendak berucap. Kalau dapat hari ini juga diselesaikan masalah Yang Berhormat hendak sentuh Kementerian-kementerian yang dikehendaki.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Sudah bersedia? Kalau ada yang sudah bersedia, saya

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Saya takut nanti, kalau saya sudah duduk, saudara-saudara kita yang lain belum bersedia. Dapat beri tahu, kalau sudah bersedia, saya akan beri peluang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat sambung.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Saya hendak sambung ini. Sekarang saya masuk kepada B.1 Parlimen, peruntukan \$14,630,000. Baguslah, Parlimen sudah diperbaiki, tetapi namun demikian masih ada juga satu dua hal yang masih tidak sedap dipandang mata, tidak dapat hendak digunakan, misalnya tandas dua tiga hari ini dikunci kerana bocor, sama ada belum siap ataupun hendak diretender, saya tidak tahu, tolong lihat sedikit, saya takut kerana tandas Parlimen pun hendak kena retender, sampai mesyuarat sesi tahun depan baru baik. Kalau sudah buat begini cantik dari belanja yang saya dengar hampir

\$10 juta untuk membaiki Parlimen **ini**, supaya kita semua selesa, Ahli-ahli Dewan selesa, pegawai-pegawai Kerajaan, pelawat-pelawat semua selesa datang ke Dewan **ini**, balik tiada cerita apa-apa, terutama bagi yang beragama Islam, surau kita pun sudah cukup baik, cuma dukacitanya, apakah surat Parlimen ini juga perlu kepada jaga. Ini sasahnya, kerana ada Wakil Rakyat yang kena copet di surau Parlimen **ini**.

Saya dengar seorang Wakil Rakyat sampai kehilangan \$3,000 lebih. Duit \$3,000 dalam keceknnya hilang waktu sembahyang di surau Parlimen. Ini masalah yang kita kena fikir. Memanglah manusia, pencuri ini pun ala di mana-mana bukan sahaja di surau malahan di dalam hati kita pun ada pencuri. Ini kita hendak jaga.

Parlimen, dahulu satu masa penjagaannya begitu longgar, sekarang nampaknya baik, tidak semua orang boleh masuk ke mari terutama di waktu sidang-sidang Dewan berjalan. Tetapi apabila keadaan yang macam ini berlaku ini menyedihkan. Namun demikian saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Kerajaan yang telah memperbaiki kerosakan-kerosakan. Maklumlah bangunan kita ini sudah tua, 25 tahun tentulah banyak yang mengalami kerosakan, sudah dibaiki. Terima kasih. Cuma barangkali dalam Dewan ini kadang-kadang masih susah sedikit hendak keluar masuk. Tidak tahulah hendak dibesarkan macam mana lagi kita punya Dewan. Hendak dikurangkan atau dikecilkan kerusi macam mana. Kadang-kadang sedih juga saya tengok pegawai-pegawai Kerajaan hendak jalan, terpaksa angkat lutut, angkat punggung kerana hendak keluar. Sepatutnya tempat ini selesa tidak payah angkat-angkat lutut, tidak payah hendak angkat-angkat paha, hendak cuit orang suruh bangun dulu. Kadang-kadang saya hendak cuit Yang Berhormat Puan Rokiah pun susah juga, ada air sembahyang, sayang hendak tunggu asar, batal. Macam mana gaya hendak buat. Itu terserahlah kepada pihak Kerajaan, sebab ini Dewan yang mulia, Dewan yang tinggi, Dewan yang agung dalam negara kita.

Jadi, apabila kita sudah duduk di sini kita tengok di mana kekurangannya, tolong tengok lagi. Tuan Yang di-Pertua, apabila sudah selesai masalah Parlimen ini, ini tidak ada kena mengena dengan yang lain-lain.

Kemudian, Suruhanjaya Pilihanraya Maksud B.4, \$9.5 juta diperuntukkan. Kita sudah sentuh masalah Suruhanjaya Pilihanraya beberapa hal-hal yang kecil-kecil. Hal-hal yang kecil-kecil ini yang sepatutnya boleh diselesaikan dengan cepat. Kerana saya pun tidak mahu banyak kali menyentuh perkara ini lagi, masalah daftar pengundi cara lama, masalah sistem mengundi. Baik, berjalan dengan baik. Kita bangga dengan Suruhanjaya Pilihanraya telah melaksanakan kerja-kerja pilihanraya ini dengan baik, licin, cuma ada perkara-perkara kecil yang selalu kita timbulkan ini supaya diambil tindakan segera supaya tidak berulang lagi.

Jadi, kalau semua berjalan dengan baik, semua berjalan dengan licin, kita puas hati, orang ramai puas hati, orang ramai tidak akan merungut, orang kampung tidak akan merungut. Tempat membuang undi cuba kita fikirkan balik kepada Suruhanjaya Pilihanraya kalau dahulu hampir 1,000 ada pengundi baru diadakan satu tempat membuang undi. Kalau lebih 1,000 diadakan dua aliran. Tetapi dalam pilihanraya yang lalu ini ada pengundi yang pengsan kerana berjemur daripada pukul 8.30 pagi dia datang tadi sampai pukul 10.00 pagi dia belum dapat masuk lagi ke tempat mengundi. Saya tidak tahu. Adakah kerana terlalu lambat mencari nombor kad pengenalan atau nama dia di dalam atau kerana barangkali memang di tempat itu sudah terlalu banyak pengundinya lebih daripada yang dijangka sehingga orang berbaris, orang tua-tua biasanya yang datang pagi hendak mengundi ini orang tua, orang perempuan. Ada yang pengsan. Ini berlaku di

peti undi Sekolah Kebangsaan Morib; iaitu terapat perlancongan. Janganlah di tempat pelancongan pengundi jatuh pengsan, Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya di tempat pelancongan yang hari itu orang pun ramai datang, hari mengundi, orang tengok pukul 2.00 petang pengundi di kawasan Morib itu sudah selesai membuang undi, tidak mahu cerita.

Kemudian ada pula satu cerita, Suruhanjaya Pilihanraya meletakkan peti undi ini satu bangunan yang tidak ada lampu, tingkap tidak dibuka, panas. Sudahlah tidak ada lampu, tingkap tidak dibuka, jadi ini perkara kecil tetapi inilah rungutan orang ramai, rungutan orang supaya perkara ini dapat dibaiki. Yang lain saya ucapkan terima kasih.

Masalah daftar pengundi itu saya kena ulang balik jangan gunakan kod nama yang lama. Misalnya satu buku undi itu ada "bandar utara, bandar selatan, bandar timur, bandar barat." Jangan lagi gunakan buku-buku itu. Sebab kampung itu sekarang sudah bagus dah. Sudah ada jalan yang baik, sudah ada pun kenyataan, nama baru, Jalan Kurau, Teluk Pulai, Tanah Raja, Kampung Sawah, Kampung Air Tawar, "Kampung" Sungai Ingat, Pekan Codoi sudah ada. Sepatutnya dalam buku daftar undi itu penduduk Pekan Codoi daripada nombor 430 sampai 610 Pekan Codoi. Jangan lagi "bandar utara." Jadi, "bandar utara" ini Pekan Codoi masuk, Tanah Raja masuk, Sungai Buaya masuk kelam kabut waktu hari mengundi. Sungai Buaya Utara, Sungai Buaya Selatan, pada hal Sungai Buaya itu ada Jalan Kurnia, ada Jalan Aman - Jalan Araan itu jalan pergi ke kubur. Jalan Aman itu tidak ada oranglah, ada orang dalamlah!

Jadi ini sahaja yang saya minta. Dalam masa empat tahun ini takkanlah tidak boleh buat kalau tahun 1990. Sebab Suruhanjaya Pilihanraya ini diperuntukkan \$9.5 juta. Ambillah \$20,000 untuk ini sahaja, betulkan sedikit untuk daerah Kuala Langat, daerah lain juga \$20,000, jadi kali 177 kawasan \$3 juta lebih kurang itu saya punya sifir. \$3 juta selama empat tahun, perubahan itu sampailah menjelang pilihanraya besok. Insy Allah, kalau ini mudah, orang tidak akan lari hendak mengundi daripada satu tempat ke satu tempat terpaksa hendak cari setiap buku.

Semalam juga dibangkitkan umpamanya orang yang masih hidup namanya hilang, pada hal baru mendaftar. Katanya sudah menggunakan komputer kerana hendak mengesan orang yang mendaftar dua kali tetapi salah silapnya di mana orang yang mendaftar sekali namanya hilang, Orang baru mendaftar, dia kata baru setahun sudah daftar dekat balairaya, ini Cikgu yang mendaftarkan. Macam mana nama saya tidak masuk Cikgu? Ini nama saya awak hantar? Nama awak saya hantar, tetapi tidak masuk tidak tahulah kena tendang komputer agaknya. Kemudian nama orang yang mati itu masih ada juga kita kena fikir bersama. Ini untuk faedah bersama supaya semakin lanta kita makin baik, makin baik, makin baik. Tidak ada rungutan lagi yang ditimbulkan oleh orang ramai.

Jabatan Perdana Menteri \$316 juta. Ini panjang cerita Jabatan Perdana Menteri. Kalau buka buku Belanjawan, apa dia jabatan-jabatan yang ada di bawahnya barulah dapat disentuh satu-satu. Kalau tidak buka buku Belanjawan ini tidak tahu hendak sentuh satu-satu jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya masuk di bawah Jabatan Perdana Menteri; Lembaga Urusan dan Tabung Haji masuk di bawah Jabatan Perdana Menteri; Lembaga Perancang Keluarga masuk di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Lembaga Perancang Keluarga. Kita hendak membanyakkan rakyat. Dalam kempem perancang keluarga orang membuat definisi masing-masing. Agama kata perancang keluarga ini kalau sudah ada "nutfah" di dalamnya tidak boleh, kalau belum, boleh kalau dialih tempat hendak mengalih itu boleh.

Tetapi dari segi negara ini kalau kita teruskan kita rugi. Sebab sekarang tinggal banyak orang tua-tua. Yang muda-muda kurang. Ini akibat daripada perancang keluarga yang begitu pesat 15 tahun dahulu sehingga setiap rumah-rumah dipanjat oleh Jururawat - "merancang kak, merancang kak", suruh merancang, suruh merancang! Kenapa merancang? Sebenarnya negara kita belum sesak lagi, Perdana Menteri kita hendak dalam tempoh 110 tahun rakyatnya 70 juta orang. Dari segi perancang keluarga memberi nasihat kepada ibu-ibu supaya menjaga kesihatan badan selepas bersalin itu semua memang baik. Di Rancangan-rancangan di ladang-ladang baik. Di kawasan-kawasan yang sempit, di kawasan-kawasan yang penduduk-penduduk yang ramai, kampung-kampung baharu, jadi kita kena kaji semula rancangan Lembaga Perancang Keluarga Negara.

Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Pengurusan Bangunan-bangunan Kerajaan Tanah dan Bangunan Kerajaan, termasuklah apa yang disebut tadi bangunan-bangunan gajah putih yang ada di Pontian, yang ada di Kuala Langat, pejabat-pejabat Kerajaan yang sudah tinggal kosong, tidak boleh dipakai ini ada rupanya di situ, di Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Pengurusan Bangunan-bangunan Kerajaan, tolong tengoklah. Hantarlah pegawai sana, bolehlah kerja lebih masa, tengok sedikit. Bertolak daripada Jabatan Perdana Menteri pukul 10.00 lepas minum teh pagi, sampai ke Kuala Langat pukul 2.00, ukur, ukur, ukur tengok sampai pukul 4.00 petang, boleh kira lebih masa balik satu jam setengah, supaya jangan sia-sia bangunan itu. Jadi, saya ulangi balik, Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, Majlis Hal Ehwal Agama Islam, Pusat Penyelidikan Islam, saya minta supaya Pusat Penyelidikan Islam menjalankan fungsinya.

Dia menyelidik, saya tahu kerjanya menyelidik, tetapi hasil penyelidikannya itu ada. Kalau daripada Bahagian ini ditubuhkan sehingga sekarang penyelidikannya tidak ada, tidak patut (PPI). Tentu ada yang diselidik. Nombor satu sekali yang diselidik yang saya tahu mengenai dengan ajaran-ajaran yang dianggap sudah lari daripada ajaran Islam yang sebenar. Sehingga di dalam masyarakat di kampung-kampung timbul satu golongan menuduh golongan yang lain kafir, sesat, menyeleweng, murtad, gaduh, tidak bertegur, pulau memulau, boikot-memboikot. Ini bukan pengaruh politik, saya tidak maksudkan pengaruh politik, ini sebenarnya mengenai agama sahaja.

Saya berterima kasih kepada Bahagian Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri yang baru-baru ini menganjur Seminar Sufi Kebangsaan

pada 17hb November, 1986 yang lalu. Ini satu langkah berani yang diambil oleh Bahagian Agama oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sendiri, Dato' Dr. Mohamad Yusoff Noor yang berani mengketengahkan perkara ini ke dalam masyarakat. Dua puluh tahun dahulu pernah golongan sufi kerohanian ini mengadakan satu seminar di Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur - 20 Tahun dahulu.

Pada masa itu kerana tidak dianjurkan oleh Kerajaan maka tentangan dan protes makin hebat. Tetapi apabila dianjurkan oleh Jabatan Kerajaan, Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, saya berterima kasih kepada penganjur seminar itu, tetapi namun demikian seminar itu juga saya lihat ada kekurangan, ada sedikit-sebanyak kelemahannya. Ini seminar kali yang pertama yang dianjurkan, memanglah ada kelemahan-kelemahan, di mana kelemahannya kerana perkara yang hendak dibuat itu mulai dengan kesufian dan kerohanian dan tariqat. Tariqat ini ada bendanya, ada pengamalnya, ada penggemarnya dan ada orang yang mencintainya, yang sayang kepadanya. Jadi, tujuannya ialah untuk mempertemukan golongan orang itu, golongan angkatan ini di dalam masyarakat yang selama ini menjadi tanda tanya di dalam negara kita mengenai kumpulan pengamal-pengamal zikrullah, pengikut-pengikut halaqah-halaqah tarikh dalam negara kita, sehingga timbul ajaran yang kata itu sesat, yang kata itu songsang, yang kata itu menyeleweng, yang kata itu tidak betul, macam-macam,

Saya berterima kasih, kerana perkara ini dapat dikemukakan kedepan. Tujuannya kalau betul memang ada penyelewengan berlaku, dibetulkan supaya jangan menyeleweng, supaya tidak timbul lagi dalam masyarakat tuduh menuduh. Sebab mengikut dalam satu cara pendakwaan Islam, pendakwah bukan hakim, pendakwah tidak boleh menjatuhkan hukum, pendakwah hanya boleh mendakwah sahaja. Yang menjadi hakim, yang menjatuhkan hukum ini ialah Allah swt. Sedangkan

Nabi sendiri pun bukan jadi hakim lahir ke dunia ini, hanya membawa peringatan. Nabi diutus mengikut Firman Allah yang maksudnya: "Tidak diutuskan engkau Ya Muhammad, hanya untuk membawa peringatan kepada manusia, peringatan baik, dan peringatan seksa" - tidak jatuh hukum. Jatuh hukum apabila berlaku, barulah 'Hadis' mengenai dengan hukum keluar. Mula-mula sampaikan penjelasan.

Semalam saya sudah sebutkan selama sekian belas tahun Bahagian Agama ini telah banyak mengarang buku-buku kecil, bukan mengarang, kalau mengarang benda baru. Dia telah menulis balik semula buku-buku kecil Hadis-hadis nabi, petikan-petikan ayat-ayat Al-Quran yang diberi percuma kepada orang ramai. Jadi, adakah Pusat Penyelidikan Islam telah buat kajian, adakah perkara yang diberikan ini mendapat response, mendatangkan manfaat kepada orang ramai, sampai ke kampung atau tidak kerana dalam negara kita ini ada 6,000 lebih mesjid, surau ada berpuluh ribu. Kalau dekat satu mesjid ada 3 surau, jumlahnya hampir 20,000 surau, madrasah lagi beberapa banyak. Kalau di Kelantan digelar "balasah" pula ada lagi. Jadi, apabila dapat dibuat kajian, kalau diterima oleh orang ramai buat lebih baik lagi, diperkemaskan lagi supaya tujuan untuk kita menyampaikan khidmat kita kepada orang ramai dapat diterima.

Kemudian Pusat Penyelidikan Islam ini juga kalau tidak terkena dalam bab-bab ini tidak apalah. Mualaf iaitu orang yang hendak dipelihara hatinya. Saudara-saudara baru di Kelang, di Pulau Ketam banyak, orang-orang ini terbiar. Boleh dijawab nanti: ini tugas pejabat-pejabat Agama Negeri-negeri, boleh jawab macam itu - saya terima. Tetapi saya tidak duduk dekat Dewan Negeri, saya tidak sentuh di sana. Saya duduk di sini maka saya sentuh di sini.

Panjangkanlah perkara ini, kalau kita ada pendakwah-pendakwah daripada saudara-saudara yang beragama Islam daripada keturunan Tionghua kita kena hantar sebab saya biasa pergi ke Pulau Ketam itu, mereka minta supaya dihantar guru agama, dihantar buku-buku, risalah-risalah supaya mereka dapat memahami. Kemudian Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri. ini malah dengan Institut Dakwah Latihan (INDAH).

Yang sebenarnya kita kekurangan pendakwah dalam negara kita. Sungguhpun kita ada INDAH, Institut Latihan Dakwah untuk melancarkan dari yang mahir dan dari yang sanggup fisabilillah ada gaji bulanan, dari pergi ke kampung bersyarah tidak hendak tunggu lebih masa. Saya terpaksa sebut itu, kerana dari ini juga manusia biasa. Jadi, apabila sudah jadi dari, dia mesti keluar jadi dari pergi ke pelusuk negara kita. Ini sudah jadi pertikaian kerana mubaligh yang timbul daripada kelompok dakwah lebih mendapat sambutan daripada orang ramai daripada jurudakwah yang dihantar oleh Kerajaan. Jawabnya kerana juru-juru dakwah yang dihantar oleh kelompok dakwah itu dia berdakwah lillahitaala. Dia tidak hendak kira pada mileage, dia tidak kira lebih masa, dia tidur di surau itu, dia kiamulail, dia ihyamulail, makan dengan apa sahaja. Yang datang daripada Kerajaan pula, ana pergi beberapa batu, 64 kilometer, tetapi 67 kilometre pun boleh, misalnya begitu.

Saya hendak cakap tadi masalah kita kekurangan juru dakwah, mengapa saya pergi sampai mileage ini, saya sudah syak tidak baik. Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik. Saya syak, syaitan sudah masuk dalam hati saya.

Saya sedar kita kekurangan juru dakwah. Di dalam Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri kalau mengikut dalam buku perjawatan ada hampir 200 kategori 'A', orang yang bertitle 'A' duduk dalam Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri, tetapi apabila orang kampung hendak minta juru dakwah, apabila Bulan Maulud, sekarang kita masih berada dalam Bulan Rabiul Akhir, Rabiul Awal, Rabiul Akhir ini musim Maulud, kita kekurangan pensyarah yang sebenarnya. Orang yang sudah tua macam saya ini pun kena panggil bersyarah sampai ke Melaka, ke Johor, bukanlah saya hendak kata saya pandai bercakap, bukan saya tahu sangat masalah agama ini, tinggi sangat - tidak. Jadi kita mahukan INDAH ini benar-benar melatih juru-juru dakwah rasmi Kerajaan, yang sanggup berkorban apa sahaja.

Selain daripada gaji bulanan dia ada mileage, dia ada pinjaman perumahan, ada pinjaman kenderaan, itu semua sudah syukur, Juru dakwah sekarang boleh dapat macam itu, kami dahulu jadi juru dakwah pakai kain gombang, pakai serban, dapat 50 bersalam orang beri. Sekarang kita tidak harap itu, kerana kita ada juru dakwah. Jadi Pusat Latihan ini dapatlah melatih juru-juru dakwah yang berkalibar, juru-juru dakwah yang dapat diterima orang ramai ramai, dapat diterima oleh masyarakat di luar bandar dan syarahan itu yang sesuai dengan keadaan semasa. Kepada orang kampung jangan diberi tafsiran yang tinggi-tinggi, tak dengar dia, walaupun dia dengar tetapi dia buat-buat tidak dengar, datanglah Ayat Quran yang berbunyi: Walakin aksaronasina layaklamun, timbulnya ke situ. Dia kata macamana saya bersyarah di sana ada empat orang. Dia kena kaji mengapa hanya ada

empat orang yang datang, empat orang yang datang itu mungkin kerana masa yang perama dia bawa bab itu juga. Jadi kesudahannya besok tinggal tiga orang dan kemudian dia buat laporan tempat yang saya pergi sebanyak tiga kali tidak ada orang - tutup. Masalahnya ialah perhidangan, penyampaian, dari tadi atau juru dakwah dapat berkesan. Ini amat mustahak dalam konsep pembangunan negara sama ada dalam bidang rohani atau bidang duniawani.

Dalam Kementerian Penerangan khasnya Jabatan Penerangan telah ditanamkan semangat lontarlah tembok itu setiap hari kalau tidak runtuhpun lama-lama dia lekok. Lontar tembok tiap-tiap hari lontar - lontar - lontar, hati manusia begitu. Jadi orang kata belakang parang diasah lagikan tajam. Yang menjadi masalah sekarang ini tukang mengasah parang ini tidak betul, sebab hendak mengasah parang ini hendak pandai, jadi juru dakwah main tukang asah sahaja. Kalau mengasah parang dengan batu yang kasar, batu habis, mata parang sombeng, bersyarah dengan bahasa yang kasar, bahasa yang kesat, haram, kafir, sesat, anak muda tidak guna, rambut panjang, rock concert. Ini mengasah parang dengan batu yang kasar, batu habis, mata parang sombeng. Tetapi kalau mengasah parang dengan batu yang halus, dengan cara lembut, dengan cara diplomasi, cara saikologi, batu habis, parang lambat tajam, salah-salah gosok tangan luka. Itu kalau hendak belajar mengasah parang. Kalau hendak jadi juru dakwah itu disuruh ud-u' ila sabili rabbiha bilhikmah walmaui'dzatil hasanah. Waja-dalhum billati hiya ihsan. Ini peringatan kepada juru-juru dakwah.

Sekarang kita tengok juru-juru dakwah kita terbahagi kepada tiga.

Pertama, juru dakwah yang hendak mencari supaya dia popular, dia tidak daiillah, dia hendak popular.

Yang kedua, juru dakwah yang menunaikan tanggungjawabnya sebagai da'i dan mengikut Ayat Quran: waltakum minkum ummatun yad-u'na illalkhair;

Yang ketiga, juru dakwah yang mengisi kekosongan, ada vacuum, dalam masyarakat kosong, tidak ada pensyarah, orang panggil pergilah dia, jadi diapun bercakap, tuan-tuan suka panggli, tidak suka tidak apa. Ini yang hendak dibetulkan.

Juru dakwah yang ketiga ini, yang mengisi kekosongan yang kita hendak betulkan, juru dakwah yang menunaikan tanggungjawab sematamata, suruh pergi diapun pergi, ada orang dia bersyarah, tidak ada orang dia tunggu sampai Isya' diapun balik. Dia sudah pergi untuk hendak menunaikan tanggungjawab, jadi dia pergilah, selepas itu dia balik, hasilnya tidak ada.

Yang keempat, juru dakwah yang hendak mempopularkan dirinya supaya nanti dia dianggap orang tok alim, tok itu, tok ini, ini yang ada dalam masyarakat kita. Jadi sudahkah Pusat Dakwah Islamiah siasat, selidik, jawapannya sudah. Saya tahu memang sudah siasat, sudah selidik, tetapi hasil daripada penyelidikan itu belum lagi menghasilkan, belum lagi menelorkan natijah yang baik di dalam perkembangan dakwah dalam negara kita. Kita jangan takut kalau ada badan-badan dakwah yang tidak berdaftar, badan-badan dakwah yang menonjolkan peribadi seseorang. Tujuan mereka itu baik, tetapi pada anggapan kita barangkali tidak betul, jadi Pusat Dakwah Islamiah dapatlah memanggil mereka diajak sura, diajak bermesyuarat, berunding untuk mencari jalan penyelesaian yang baik supaya dalam masa kita mengembangkan ajaran akidah Islam ini, kepada orang Islam sejak mula, apa lagi kepada kalau; Mualafa atau Kulubihim, yang kita dengar dahulu dari sebuah negeri telah dilslamkan sekian puluh ribu, tetapi hari ini wallahualam bisawab. Adakah mereka ini kembali

kepada agama asalnya atau tidak, kita tidak tahu. Jadi ini perlu diambil perhatian yang berat.

Semalam saya sebut, mengenai tafsir Ar-Rahman itu kalau boleh dicetak banyak-banyak, dihantar kepada setiap masjid di seluruh negara dapat menjadi rujukan. Mastika Hadis ditambah. Kalau kitab Hadis Arbaii ini laku sekarang, di mana-mana tempat orang membaca Kitab Hadis Arbaii, Hadis 40, Hadis Pilihan 40, jadi Mastika Hadis ini sepatutnya boleh dibuat seperti itu, Mastika Hadis ini dilengkapkan lagi supaya dapat menjadi bahan rujukan pengkajian di merata negeri.

Kita dengar Menteri kita bercakap, Menteri yang menjaga hal ini pun bercakap, kita mahu masjid menjalankan fungsinya untuk memimpin ummah dalam bidang rohani, jasmani dan semua lapangan hidup, tetapi apa yang hendak dibawa kalau yang ada dalam masjid itu hanya Berzanji, kitab Berzanji ini pun sudah saya sebutkan 3-4 kali dalam Dewan ini, apalah salahnya Jabatan Perdana Menteri menterjemahkan Kitab Berzanji itu ke Bahasa Melayu. Agaknya kalau benda ini memang tidak baik tidak dibuat sedangkan kita tahu masyarakat Melayu di Malaysia ini, baik Semenanjung Sabah, Sarawak, Maulud Nabi, Kitab Berzanji itulah yang dibaca, tetapi Berzanji dalam bahasa Arab, entah apa-apa disebut kita tidak tahu. Mereka yang pandai sedikit inilah, yang keluar daripada Fakulti Islam atau yang keluar dari universiti kata apa orang kampung Maulud baca Berzanji seperti di Johor, di Melaka ada satu style baca Berzanji erek-erek-erek, apa ini erek-erek. Tetapi kamu tidak beri mereka alternative. Kalau itu salah beri alternative, beri pilihan ini kitab yang baik - macam itu. Ini salahkan orang kampung.

Saya sedih, saya balik ke Johor kampung saya, di sana orang baca Berzanji style zaman 40 tahun dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Lagu itu dipanjang-panjangkan erek-erek, erek-erek begitu. Jadi orang yang keluar dari Fakulti Islam mengatakan apa ini? Ini Berzanji cara kolot! Tetapi awak tidak beri yang baru, beri satu kitab baru, kalau tidak boleh karang yang baru, tolong terjemahkan ke dalam bahasa Melayu supaya orang kampung yang baca Berzanji selama ini tidak betul mereka ikut, ia tahu apa cerita yang ditulis di dalamnya. Al-Malek Muzaffar sudah buat 700 tahun dahulu kitab Berzanji itu, tidak ada siapa yang menyalahkannya. Kalau kita tidak boleh betulkan, tidak boleh perbaiki, kita rugi, cuma kita tahu hendak menyalahkannya, itu bukan da'i. Jadi kalau tahu hanya hendak menyalahkan orang kampung baca Berzanji, saya rasa kalau mereka tidak beri satu kitab baru untuk baca, takkan orang kampung hendak baca sejarah Muhammad yang dikarang oleh Dr. Mohd. Haikal, kita beri satu kitab yang harganya \$30 yang boleh dibeli di Pustaka Antara, Jalan Tunku Abdul Rahman, nah! orang kampung baca sejarah Nabi s.a.w., karangan Dr. Mohd. Haikal, seorang wartawan Mesir, Matanya sudah rabun, suruh baca kitab, tulisan Rumi. Tulisan rumi tidak boleh percaya, itu kata orang kampung, kitab tulisan Rumi tidak boleh percaya. Jadi saya minta supaya perkara ini dapatlah diambil perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya minta maaf dan Yang Berhormat boleh menyambung sedikit pada hari Isnin nanti.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang hari Isnin, 8.12.1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 mlm.